

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ISMAIL
A.HAMID MENGENAI PENGALAMAN
BELIAU SEBAGAI PENGUSAHA KOMPANG**

MUHAMMAD AMIRUL SYAFIQ BINGHAZALI

(2020980385)

AHMAD ARFY AHNAF BIN JOHAR

(2020369041)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC-JULAI 2021

8.0	Glosari	103 – 104
9.0	Indeks	105 - 107
10.0	Bibliografi	108 – 110
	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	111
	11.2 Surat Perjanjian	112
11.0	11.3 Senarai Soalan	113-114
	11.4 Diari Penyelidikan	115-116
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	118

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan pewaris yang mewarisi satu seni budaya kompang iaitu Ismail A.Hamid. Ramai kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung tentang kewujudan seni tradisional yang unik ini yang juga merupakan salah satu daripada pecahan kategori dalam permainan peralatan muzik tradisional kompang ini. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang salah satunya tokoh yang masih mewarisi kesenian ini, projek sejarah lisan akan cuba mengungkap kebenaran sebenar disebalik isu yang sering kali dikaitkan dengan kesenian ini iaitu penggunaan kulit binatang. Bermula daripada sejarah tentang kompang tersebut, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang bahan yang diperlukan dalam membuat kompang, cara belajar pukulan kompang, fungsi setiap pukulan kompang, jenis lagu dan juga isu-isu yang berkaitan dan yang paling utama adalah keunikan budaya kompang Ismail A.Hamid tersebut. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Ismail A.Hamid sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi kajian ini adalah untuk pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini, diharap masyarakat luar terutamanya generasi muda lebih mengenali dengan lebih lanjut tentang seni budaya kompang.

KATA KUNCI

Tradisional, Implikasi, Kulit, Lagu, Pewaris.

ABSTRACT

This transcript discusses the experience of a figure who is the heir to a kompong cultural art, namely Ismail A. Hamid. Nowadays, in society, especially the new generation in this era are not directly aware of the existence of this unique traditional art which is also one of the category breakdowns in this traditional kompong musical instrument game. In addition to touching a little on the background of one of the figures who still inherited this art, the oral history project will try to reveal the real truth behind the issue that is often associated with this art that is the use of animal skins. Starting from the history of the kompong, this study also focuses comprehensively on the materials needed in making kompong, how to learn the kompong beat, the function of each kompong beat, the type of song and also related issues, and most importantly the uniqueness of kompong culture Ismail A .Hamid the. This study is not only through Mr. Ismail A. Hamid himself, but it is also obtained from several other sources to see the extent of similarities and differences in the study that has been done. The implications of this study are for researchers, students, and the general public. Through this oral history project, it is hoped that the outside community, especially the younger generation, will know more about the art of kompong culture.

KEYWORD

Traditional, Implications, Skin, Song, Heir.

PENGHARGAAN

Pertama, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin atas sokongan dan bimbingannya dalam menyelesaikan tugas ini. Kami sangat berterima kasih atas semua usaha dan kesabarannya dalam menerangkan segalanya kepada kami sepanjang keseluruhan proses penyediaan transkrip ini.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan sekelas kami kerana membantu kami menyelesaikan tugas ini. Tanpa pertolongan mereka dalam berkongsi idea dan pandangan, kita tidak akan dapat menyelesaikan tugas ini dengan jayanya.

Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami atas kasih sayang dan sokongan yang mereka berikan kepada kami sepanjang tugas ini. Tanpa sokongan moral mereka, kita tidak akan dapat melakukan yang terbaik dan berjaya menyelesaikan tugas ini.

Kesimpulannya, terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang perjalanan menyelesaikan tugas ini. Tanpa pensyarah, ibu bapa, dan rakan, sukar untuk kami menyelesaikan dan berusaha memahami sesuatu iktibar di sebalik tugas ini.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
FELCRA	The Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
DUN	Dewan Undangan Negeri
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
UMNO	United Malays National Organisation
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
EPF	Employees Provident Fund
SOCSSO	Social Security Organisation
AJK	Ahli Jawatankuasa
YB	Yang Berhormat
MB	Menteri Besar

SENARAI SINGKATAN

MAS : Muhammad Amirul Syafiq bin Ghazali

AAA : Ahmad Arfy Ahnaf bin Johar

IAH : Ismail A.Hamid

RUJUKAN KATA

Bagitau	Bagitahu
Karang	Nanti
Je	Sahaja
En	Kan
Tak	Tidak
Nak	Hendak
Kenape	Kenape
Kau	Engkau
Takde	Tidak ada
Takpe	Tidak mengapa
Pikir	Fikir
Bang	Azan
Dorang	Mereka
Lepas	Selepas
Tu	Itu

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



Nama:	Muhammad Amirul Syafiq Bin Ghazali
Tarikh Lahir:	12 Jun 1999
Tempat Lahir:	Perak
Alamat:	Sungkai, Perak
No Telefon:	0196189910
Emel:	syafiqghazali60@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Nama:	Ahmad Arfy Ahnaf Bin Johar
Tarikh Lahir:	12 Disember 1999
Tempat Lahir:	Johor
Alamat:	Pasir Gudang, Johor
No Telefon:	01112107506
Emel:	a.arfy99@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH

Encik Ismail A.Hamid merupakan seorang pengusaha kompang di Segamat, Johor. Beliau lahir di kampung Serkam, Melaka dan telah berpindah ke Segamat pada tahun 1980. Encik Ismail A.Hamid telah mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Serkam di Melaka sebelum beliau berpindah ke Segamat dan setelah berpindah ke Segamat, beliau bersekolah di Sekolah Dato Maharaja Lela, Segamat. Encik Ismail A.Hamid berumur 48 tahun dan telah berkahwin pada umur 18 tahun. Sekarang beliau telah mempunyai 3 orang anak, dua orang lelaki manakala seorang lagi anak perempuan. Encik Ismail A.Hamid merupakan seorang yang rajin berusaha dan telah memegang beberapa jawatan penting untuk kampungnya. Jawatan yang beliau sandang ialah memegang gelaran ketua UMNO cawangan dan juga memegang gelaran ketua kampung.

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Encik Ismail A.Hamid mula menceburi bidang pembuatan kompang pada tahun 1980. Beliau menceburi bidang seni pembuatan kompang ini adalah kerana bapanya yang telah memulakan perjalanan dalam bidang pembuatan kompang. Hal ini kerana bapanya bekerja sebagai kontraktor untuk menebang pokok-pokok di hutan dan telah mendapat idea untuk membuat kompang. Pembuatan kompang ini juga turut melibatkan abangnya Encik Zakaria. Mereka telah bekerjasama dalam membuat kompang ketika itu untuk dijadikan sumber pendapatan sehingga ke hari ini. Pada masa kini, Encik Ismail A.Hamid telah berjaya membuka bengkel untuk pembuatan kompang dan telah berjaya menghasilkan peluang pekerjaan kepada anak muda di kampung beliau. Bukan itu sahaja, Encik Ismail juga mempunyai kepakaran dalam bermain kompang dan telah menyertai pasukan kompang Seri Bumbun yang cukup dikenali di daerah Segamat, Johor. Pasukan ini telah banyak melahirkan bakat-bakat yang hebat dalam seni budaya kompang. Buktinya, pasukan Seri Bumbun telah mendapat johan di daerah Segamat dalam pertandingan kompang yang dianjurkan oleh Persatuan Kebudayaan Negeri Johor..

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan satu kajian dimana kajian ini dapat menyimpan maklumat pada masa terdahulu. Kajian sejarah lisan ini juga wujud pada masa berlakunya segala jenis penemuan baharu dan juga teknologi yang canggih pada era pemodenan yang bersesuaian dengan konteks yang kompleks seperti perubahan ekonomi, politik, kewangan, perniagaan dan juga sastera.

Kajian sejarah lisan ini juga menjadi satu pengalaman yang berguna dan pengalaman yang menarik minat para penyelidik kerana akan memperoleh pengetahuan baru, melihat segala jenis sejarah dari pelbagai perspektif dan juga turut mengenali personaliti sosial manusia. Kajian sejarah lisan ini juga merupakan satu kajian dalam bidang yang sangat luas yang meliputi pelbagai golongan yang terdiri daripada kalangan orang biasa, pemimpin setempat, ahli politik, usahawan terkenal, ahli-ahli korporat dan juga orang yang berbakat dalam pelbagai bidang. (Rozeman, 2004).

Kajian di dalam sejarah lisan ini telah dipelopori oleh Herodotus yang bertindak melakukan proses temubual individu untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting daripada peristiwa yang dianggap bersejarah pada masa yang lalu. Herodotus telah diangkat menjadi sebagai 'Bapa Sejarah' di dalam bidang sejarah lisan ini (Starr, 1984). Tidak lama selepas itu, bidang sejarah lisan ini dipelopori oleh Thucydides. Beliau telah bertindak dengan menulis pelbagai pengalaman bagi tentera-tentera yang terlibat dalam peperangan besar iaitu Peloponnesian (Morrison, 1998). Beliau menyatakan kesukaran untuk menyatakan kebenaran secara menyeluruh terhadap peristiwa yang berlaku kerana sesetengah daripada saksi peristiwa mengalami kesukaran untuk mengekal dan mengingati peristiwa bersejarah itu.

Kajian di dalam bidang sejarah lisan yang pertama dilancarkan oleh Prof. Allan Nevins. Kajian ini dijalankan pada tahun 1948 di Universiti Columbia (Nevins, 1984:29). Sejurus daripada itu, pada awal tahun 1960-an bidang sejarah lisan ini telah berkembang dengan laju dan digemari oleh pakar pengkaji sejarah dalam pelbagai aspek dan juga penggunaan sumber sejarah.

Kajian di dalam sejarah lisan ini boleh dilakukan juga ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup dan juga tokoh yang telah meninggal dunia. Sebagai contoh, di Malaysia juga terdapat kajian sejarah lisan yang dibuat ke atas tokoh yang masih hidup seperti individu yang terlibat dalam tragedi penaklukan Tanah Melayu oleh Jepun, tragedi yang mengundang kedaruratan negara, pejuang negara, peristiwa kemerdekaan dan sebagainya. Manakala kajian sejarah lisan yang dilakukan ke atas tokoh yang telah meninggal adalah seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Hussein Onn, Dato' Onn Jaafar, dan sebagainya. Kajian ini dilakukan dengan mendapatkan segala maklumat bersejarah daripada orang yang terdekat dengan tokoh seperti keluarga dan kenalan rapat tokoh.

Menurut Ahmad (1987), kajian yang dijalankan ke atas sejarah lisan ini merupakan satu teknik moden yang digunakan bagi mendapatkan dan memelihara maklumat bersejarah melalui cara penceritaan. Kaedah sejarah lisan ini meliputi segala jenis proses wawancara dan merakam segala keterangan orang yang mengetahui tentang sesuatu perkara atau peristiwa sejarah sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Kenyataan ini juga di sokong oleh Starr (1984), yang menyatakan bahawa sejarah lisan ini merupakan satu teknik pengumpulan data dan maklumat tentang sejarah yang masih belum dikaji, diteroka dan juga menjadi satu penerus kepada teknik pengumpulan maklumat sejarah setelah lamanya hilang tradisi berkaitan penulisan sejarah.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

- Mengenalpasti sejarah yang berharga untuk dijadikan sumber rujukan kepada tenaga pengajar, pelajar dan orang awam.
- Memelihara sumber sejarah yang berharga bagi memastikan kelangsungan sejarah itu sendiri kepada generasi baru sebagai satu sumber pengetahuan.
- Memperkenalkan sejarah yang telah berlaku kepada orang awam terutama golongan yang terdiri daripada generasi baru hari ini.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Sejarah lisan adalah satu jenis teknik yang melibatkan individu yang menceritakan segala peristiwa yang berlaku dengan mengumpul maklumat penting tentang apa yang telah diberitahu oleh individu tersebut. Maklumat daripada individu tersebut juga boleh diperolehi daripada ingatan seseorang, diari, kertas, gambar, surat, dan sebagainya. Sumber sejarah lisan ini juga dipanggil sumber utama kerana didapati daripada rakaman asli tentang perbualan yang dijalankan melalui proses temuramah yang telah dirancang dan direkodkan oleh penyelidik.

Fakta yang didapati daripada kajian sejarah lisan ini mempunyai kekuatan kerana dengan jelas segala maklumat dapat dipastikan dengan tepat tentang peristiwa yang terjadi terdahulu. Pelbagai peristiwa boleh didapati adalah seperti cerita rakyat yang menggambarkan cerita mitos, legenda dan cerita asal usul (Abdul Rahman, 1996).

Peranan sejarah sangat penting untuk mengembalikan dan membina semua peristiwa sejarah lama bagi menggantikan rekod-rekod yang telah lama hilang atau dimusnahkan oleh penjajah seperti British dan Jepun. Kajian sejarah lisan ini sangat penting bagi mengisi segala kekosongan yang ada didalam sumber-sumber yang bertulis daripada keterangan yang diambil dan dicatatkan.

Kajian sejarah lisan ini juga penting bagi menyelamatkan keterangan dan pernyataan bersejarah daripada terus hilang ditelan zaman. Kajian ini juga akan menjadi satu semangat untuk mendorong para penyelidik menyelidik ke atas perkara yang telah disediakan dengan sumber lisan (Nadzan, 1979).

Selain daripada itu, sejarah lisan juga memainkan peranan penting dalam membawa dan juga turut memperkenalkan sejarah daripada luar untuk dibawa kedalam sesuatu etnik masyarakat. Melalui kaedah kajian sejarah lisan ini, individu yang telah ditemuramah ini dapat memberi dan menyuarakan pendapat serta pandangan yang logik dan baharu tentang peristiwa yang bersejarah kerana informan juga boleh tergolong daripada kalangan orang biasa dan bukan orang elit sahaja.

Secara tidak langsung, kaedah sejarah lisan ini dapat membantu dan meningkatkan jati diri dan keyakinan bagi setiap lapisan masyarakat. Sejarah lisan juga turut mampu bertindak sebagai penghubung dan mencipta satu persepsi tentang persefahaman antara masyarakat sosial antara generasi ke generasi. Sejarah lisan juga dapat membantu dalam menyemarakkan semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah dan secara tidak langsung menghormati sejarah. Keadaan ini akan membuatkan para penyelidik suka dan seronok dalam membuat penyelidikan ke atas peristiwa bersejarah.

Dengan hubungan persefahaman yang terjalin antara masyarakat dengan ahli sejarah, situasi ini akan memberikan satu rasa untuk terus bersama di sesuatu tempat kerana mengetahui tentang nilai sejarah yang begitu bermakna. Secara tidak langsung sejarah lisan ini akan membuka ruang minda masyarakat untuk membuat perubahan dalam pengertian mereka terhadap nilai sejarah.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 WARISAN SENI BUDAYA

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) telah menjelaskan bahawa definisi bagi warisan ialah sesuatu perkara tradisi yang diterima dan diberikan secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Menurut Galih Rakasiwi, Syelendra & Irdhan Epria Darma (2018), budaya sering dikaitkan dengan tradisi iaitu dimana budaya ini bersifat turun-temurun dari generasi ke generasi yang juga dipanggil sebagai warisan. Hal ini memberi maksud bahawa setiap apa yang dilakukan oleh para warisan ini perlu diterima oleh semua kelompok masyarakat tanpa mengira latar belakang generasi yang terdahulu. Perkara ini juga disokong oleh Akta Harta Benda Purba (1976) ada menjelaskan bahawa segala jenis peninggalan warisan turun temurun tidak kira ianya buatan atau semula jadi yang alih atau tidak alih dan sesuatu yang nampak atau tidak nampak. Menurut Yeni Ruseli (2013) pula, warisan seni merupakan seni yang terhasil dan berkembang di kalangan masyarakat setempat dan pencipta seni tersebut tidak diketahui siapa dan bila seni tersebut tercipta. Walaupun kewujudannya tidak begitu jelas, tetapi kerana keseniannya dan tradisinya yang diterima secara turun-temurun menjadikan ianya nilai seni budaya tradisional.

Pada masa kini, warisan seni budaya tradisional semakin dilupakan dan berubah kerana pengaruh luar dan juga hiburan oleh masyarakat generasi kini. Menurut Abd. Ghani & Onn Aba Jasri (1991), tiadanya kebudayaan masa kini yang tidak di terpengaruh dengan pengaruh luar. Hal ini kerana warisan kebudayaan itu diperkembangkan dengan ciri-ciri baru yang mengikut citarasa masyarakat masa kini. Tetapi sekiranya terlalu banyak perkembangan dan perubahan yang dilakukan kepada seni budaya itu, akan mengubah keunikan wasrisan tersebut. Menurut (Bahar,1992), kesenian ini pada umumnya akan menghadapi dua kemungkinan iaitu harus diterima, atau dilupakan dan mati. Oleh itu, seni budaya ini perlu dipelihara dan dijaga supaya tidak dilupakan warisannya. Warisan seni budaya ini amat penting untuk dijaga dan dipelihara kerana menurut (Evita & Lappia, 2019), kebudayaan adalah milik masyarakat manusia, bukan

daerah atau tempat yang mempunyai kebudayaan tetapi manusia lah yang mempunyai kebudayaan. Seni budaya ini juga amat penting untuk dipelihara supaya dapat diteruskan dan dikenali pada generasi yang seterusnya.

4.2 KOMPANG

Kompang merupakan kesenian budaya yang dikelaskan sebagai alat muzik. Menurut A.E Ismail, K.A Arif, et al. (2015), Kompang adalah salah satu alat perkusi muzik tradisional yang dapat menghasilkan suara dengan memukul membran yang dipukul dengan tangan tapak tangan. Seni budaya kompang ini berkait juga dengan keagamaan kerana menurut Galih Rakasiswi, Syeilendra & Irdhan Epria Darma (2018), Kompang dipertunjukkan dalam bentuk nyanyian yang bertemakan islam dimana teks nyanyian seni kompang ini diambil daripada kitab berzanji. Menurut Yosi Ramadona & Nursyirwan (2014) pula, kompang ini merupakan nama alat muzik yang digelar oleh masyarakat setempat dimana pertunjukan muzik ini dimainkan oleh sekelompok orang dalam bentuk perarakan sambil melafazkan syair-syair daripada kitab berzanji. Seni budaya kompang ini banyak dimainkan di majlis-majlis atau upacara keagamaan islam. Menurut Yeni Ruseli (2013), kompang yang bernafaskan islam ini banyak ditampilkan dalam peristiwa-peristiwa besar islam, majlis atau upacara contohnya perkahwinan, muharam, aqiqah dan sebagainya. Hal ini kerana menurut Yosi Ramadona & Nursyirwan (2014), mengikut sejarah, kompang berasal dari Arab yang berkembang ke tanah melayu seiring dengan perkembangan islam di tanah melayu pada abad ke-13.

Pada era globalisasi ini, penerimaan seni kompang ini semakin berbeza kerana perubahannya mengikut peredaran zaman. Menurut Yeni ruseli (2013), keunikan kompang masa kini dicampur baur dengan keragaman muzik contohnya muzik Jawa, Melayu, Batak dan lain-lain. Hal ini kerana untuk penerimaan mengikut zaman, agar seni budaya ini tidak dilupakan dan ditinggalkan kerana dilihat lapuk. Kompang ini juga banyak dibuat sebagai pertunjukan sebagai usaha mengembangkan seni budaya kompang ini.. Menurut Yosi Ramadona & Nursyirwan (2014), Pertunjukan kompang ini banyak dibuat secara perarakan pada masa kini dan juga menggabungkan perarakan

formasi sambil mengalunkan muzik kompang ini. Banyak perubahan yang berlaku dibanding dulu dalam seni budaya kompang ini bagi penerimaan masyarakat kini terhadap kompang.

**TRANSKRIP TEMU
BUAL BERSAMA
TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

MAS: Assalamualaikum Wabarakatuh dan Salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni budaya kompang. Bersama-sama kami ialah Encik Ismail A. Hamid tokoh dalam bidang seni budaya kompang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 29 Mei bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10.40 pagi di platform google meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Amirul Syafiq bin Ghazali dan juga Ahmad Arfy Ahnaf bin Johar. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

MAS: Okay Assalamualaikum dan selamat pagi encik Ismail. Apa khabar encik pagi ini, sihat ke?

IAH: Alhamdulillah sihat.

MAS: Sebelum kami bertanyakan berkenaan dengan kompang, lebih elok kalau kita berkenalan terlebih dahulu dengan tokoh kompang kita. Jadi boleh tak encik ismail menceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri encik.

IAH: Saya Ismail A.Hamid, berumur empat puluh lapan tahun [48] dan sudah berkeluarga memiliki seorang anak. Saya duduk di kampung Segamat Johor.

MAS: Okay-okay pakcik.

AAA: Boleh tak kami nak tahu pakcik dilahirkan dimana?

IAH: Saya lahir di Kampung Serkam, Melaka, Merlimau Melaka.

AAA: Dan sekarang di Segamat lah?

IAH: Sekarang saya mengikut ayah saya sembilan belas lapan puluh [1980], ayah saya duduk di Melaka tapi sembilan belas lapan puluh [1980] dia terpaksa balik ke segamat kerana mendapat FELCRA [The Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority]. Terpaksa menoreh lah di Segamat. Oleh kerana keadaan Melaka dengan segamat jauh, kesian dia ulang alik. Jadi saya punya atok memang asal orang sini, terpaksa lah kami berpindah kat segamat.

AAA: Kiranya, jadi kiranya dah berapa tahun pakcik dekat Segamat.

IAH: Saya dari tahun sembilan belas lapan puluh [1980], empat puluh [40] tahun juga lah.

AAA: Kira lama lah di Segamat.

IAH: Iya saya betul. Saya sekolah rendah di, sehingga darjah lima [5] setengah tahun di Sekolah Kebangsaan Serkam kemudian masuk darjah enam saya berpindah ke segamat. Sekolah Dato Maharaja Lela.

AAA: Sambung di Segamat.

IAH: Iya saya, betul.

AAA: Saya nak tanya sedikit lah latar belakang keluarga pakcik, jadi pakcik berkahwin pada umur berapa?

IAH: Saya berkahwin pada umur lapan belas tahun, habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] je ayah saya memang tak suka saya nak berfoya-foya.

AAA: (Ketawa Kecil)

IAH: Jadi dia tanya saya kalau dah ada, kawan ada lah, kebetulan pula kawan saya tu memang dia ambil SRP [Sijil Rendah Pelajaran] masa itu, jadi saya kenal tak lama hanya dalam dua minggu je, saya letak beri dia nombor telefon, kami berurusan terus, ayah saya kata terus je lah kalau dah ada kawan, ada rezeki tu ada jodoh tu jalan je lah. Sembilan belas sembilan puluh tiga tu saya cuba berbincang terus je tak lama pun sebenarnya.

AAA: Isteri encik pun orang Segamat lah?

IAH: Ha iya orang Segamat.

AAA: Jauh ke beza pakcik dengan isteri pakcik?

IAH: Dia tahun sembilan belas tujuh puluh enam, saya tahun sembilan belas tujuh puluh tiga lebih kurang tiga tahun je. Dia SRP [Sijil Rendah Pelajaran], saya SPM lebih kurang macam gitu. Dia ambil SRP dia tak sambung lagi. Dia keluarga susah kan jadi dia bekerja lah jadi saya pun kenalan secara tak rasmi, Cuma kenal kenal gitu je, tengok dia tunggu bas nak pergi kerja saya minta nombor telefon dia terus bagi je.

AAA: Mudah. (Senyum)

MAS: Mudah. (Senyum)

IAH: Ada laluan mudah kan saya ikut je lah.

AAA: Kira sekarang pakcik dah ada berapa orang anak?

IAH: Saya tiga orang lah.

AAA: Semuanya lelaki ke?

IAH: Dua [2] lelaki satu [1] perempuan, yang bongsu perempuan, yang lelaki nombor dua [2] berumur lebih kurang dua puluh enam tahun [26].

AAA: Dua puluh enam tahun [26] agak jauhlah, kami dua puluh dua tahun [22].

IAH: Dua puluh dua [22] tu baya anak saya yang bongsu.

AAA: Okay. (Senyum)

IAH: Belajar, habis belajar itu hari dia bekerja sendiri di Nasi Ayam Setapak.

MAS: (Mengganguk kepala)

AAA: Kira sekarang pakcik bekerja sebagai apa?

IAH: Sekarang ni saya pun nak, saya sebenarnya syarikat satu lah, syarikat Kraf. Jadi saya dengan abang saya selepas ayah saya meninggal, jadi buka tubuhkan syarikat untuk maju ke hadapan lah. Kemudian tahun dua ribu empat belas [2014] saya dipilih oleh masyarakat kampung menjadi ketua Umno, Ketua cawangan. Dua ribu lima belas [2015] rezeki saya jugalah saya telah dilantik sebagai ketua kampung dekat sini.

AAA: (Mengganguk kepala)

MAS: (Mengganguk kepala)

IAH: Sebab sekarang ni saya berurusan daripada dua ribu lima belas [2015] hingga sekrang ni saya masih ketua kampung lah.

AAA: (Mengganguk kepala) Kira sebagai sampingan lah syarikat tu, masih lagi berjalan?

IAH: Syarikat ni sebenarnya saya dah ada anak dua [2] orang, dan anak abang saya, jadi dua-dua dah boleh bergerak, Cuma kita membimbing, beri dia ruangan pula.

AAA: Kira syarikatnya (Mengganguk kepala)

IAH: Iya iya, saya tak benarkan dia pendaftaran apa semua, bermakna bekerja disini produk nak order, order kat saya, kemudian dia nak jual, itu dia punya urusan. Saya bagi.

AAA: Diwariskan lah syarikat ini.

IAH: Iya. (Mengganguk kepala)

MAS: Okay okay encik boleh saya tahu bilangan pekerja encik yang ada sekarang?

IAH: Yang ada sekarang lebih kurang enam [6] orang.

MAS: Enam orang, yang uruskan bengkel dan syarikat encik. (Mengganguk kepala)

IAH: Haah enam [6] orang.

MAS: Okay-okay.

AAA: Baik, seterusnya saya rasa kita pun dan kenal lah serba sedikit, jadi kita masuk kepada soalan berkenaan dengan kompang lah yang kami nak tahu.

IAH: Iya boleh. (Mengganguk kepala)

AAA: Jadi sebelum kita mulakan, boleh ke pakcik terangkan serba sedikit lah berkenaan dengan kompang.

IAH: Sebenarnya kompang ni memang daripada asalnya sudah ada zaman zaman Nabi, dia dulu gunakan kulit kambing, jadi dulu dipanggil rebana, biasa daripada Indonesia lah benda ni asalnya, jadi bawa ke Malaysia, Diorang panggil rebana lah masa kita main 'Dondang Sayang', 'Izhar' kan, asalnya daripada Indonesia.

AAA: Kira memang kita pun dengan Indonesia memang adat tu lebih kurang je, membawa juga lah. Jadi selalunya, kira kebiasaannya kompang ini diperbuat daripada bahan macam mana?

IAH: Dia kompang ini dia kita guna tiga je yang penting iaitu kayu, dan kulit kambing, lepas tu dia punya kain merah tu lah lilitan tepi tu. Tu yang penting bahan mentah, yang tu yang paling penting lah untuk buat kompang. Lepastu jenis kayu pula, kena tengok kayu apa yang sesuai sama ada yang kayu lembut ke kayu keras. Jadi saya sekarang ni masih menggunakan kayu leban, iaitu kayu yang paling keras lah untuk memantapkan bunyidia.

AAA: Tu kira lilitan merah tu apa fungsinya?

IAH: Dia sebenarnya untuk mencantikkan je sebenarnya tapi tengok juga, sekarang ni, keadaan sekarang ni masing-masing badan dah nak warna sendiri kan, macam contoh UiTM warna purple, pihak polis nak warna biru, makna kita ikut juga, kita akan cari lah atas permintaan untuk mencantikkan je.

AAA: Kebanyakannya memang kita akan yang kita panggil permukaanya kita guna kulit haiwan lah kan?

IAH: Memang kulit kambing. Bukan kulit lembu.

AAA: Memang senang kata kulit kambing saja digunakan.

IAH: (Mengganguk kepala) Apa yang saya tengok dalam google dalam apa pun, banyak kata kulit lembu tapi saya cakap kalau kulit lembu memang orang tu tak pandai main kompong lah, memang kulit kambing sebenarnya boleh datangkan bunyi yang nyaring lah maksud saya. Kalau kulit lembu semua cakap kulit lembu.

Saya cakap tidak, saya sebagai seorang pembuat kan, kalau kulit lembu tu memang takde bunyi, kita perlukan bunyi 'Pang' dengan 'Bing' kan.

AAA: (Mengganguk kepala)

MAS: Encik boleh saya tahu macam mana encik memperoleh kulit kambing untuk pembuatan kompong?

IAH: Masa awal dulu, agak memang payah la kan nak mencari tu, sebab apa orang yang kita cuma dapatkan pendapatan tambahan pada pengusaha kambing pada awal lah, saya punya niat macam gitu. Jadi kalau saya buat kompong, maknanya kulit kambing tu orang yang bela kambing dia buang, selama ni dia buang kan, contoh satu bulan lebih kurang seratus ekor, saya boleh beli masa tu kalau basah lah, kalau basah hanya lima ringgit. Maknanya lima kali seratus dah lima ratus, pendapatan sampingan dia, dia dah boleh beli kambing lain. Kemudian kalau dia boleh kering, saya boleh ambil sampai sepuluh ringgit. Masa tahun sembilan puluh lah, awal awal buat kompong ni. Jadi dekat situ saya dah niat membantu diorang, jadi saya round ke semua pengusaha, saya pergi jabatan Veterina, minta bantuan dekat mana ada pengusaha-pengusaha kambing. Yang kambing lah, banyak yang buang.

MAS: Setakat ni pada tahun dua ribu dua puluh satu [2021], berapa banyak macam kedai ataupun jabatan encik telah terima untuk dapatkan stok kulit kambing?

IAH: Benda ni tiada masalah sekarang ni, jadi yang pengusaha tu yang bantu yang kalau dia nak duit tambahan banyak, bermakna dia keluarkan sampai seribu keping.

MAS: Seribu [1000] keping, Okay-okay.

IAH: Seribu [1000] tu memang tiap-tiap bulan lah kita ambil.

AAA: Jadinya memang tak pernah ada isu lah kita panggil tak cukup apa bahan tak pernah ada lah. (Mengganguk kepala)

IAH: Iya setakat ni Alhamdulillah. Pasal kita nak menggerakkan perniagaankankan.

MAS: (Mengganguk kepala)

AAA: (Mengganguk kepala)

IAH: Jadi kita sebagai pengusaha sebagai pengarah membantu lah.

AAA: Jadi berbalik kepada kulit kambing tadi, sebab yelah yang mana senang kata semua yang membuat kompanyang memang akan pakai kulit kambing bukan kulit lembu atau kulit sapi ke? Takde lah.

IAH: Tak, memang kulit kambing. Tu memang kalau orang kata kulit lembu tu satu kebohongan lah kepada saya sebagai seorang pembuat.

AAA: Jadi kira macam pengetahuan baru juga lah kalau kami ni yelah memang tak pernah buat kompanyang, kalau mengaji dekat Google, memang dia kata buat dariada kulit kambing, kulit lembu so saya macam oh ye ke, diperbuat daripada kulit-kulit binatang ni semua kan. So maknanya memang kulit je lah.

IAH: Dia macam gini tuan, memandangkan, contohnya kita nak orang kata petua-petua la kan, dalam ada sampingan tu macam kulit kijang, kulit rusa, jadi boleh digunakan juga tapi tak memadai lah dengan harga ataupun bahan itu tidak dapat banyak, boleh gunakan juga tapi tak boleh banyak. Kulit kijang boleh kita dapat berapa kan, kalau kulit rusa pun dapat berapa kan.

AAA: Iya lah.

MAS: Betul-betul.

AAA: Sekiranya dibandingkan dia kulit yang di boleh lah macam kijang apa semua tu, bunyinya berbeza ke?

IAH: Bunyi dia memang berbeza. Dia ketebalan, ketebalan kulit.

AAA: Jadi yang mana lebih baik?

IAH: Tapi memang bagi saya kulit kambing yang menggunakan yang makan rumput, dia bukan makan dedak lah.

MAS: (Teruja)

AAA: Dia lain?

IAH: Dia lain, dia macam berminyak, kalau makan dedak ni dia berminyak. Kualiti bunyi dia takde lah macam bunyi kompang kan.

AAA: Jadi kiranya bergantung pada kualiti kambing juga lah kompang ni. (Senyum)

IAH: Betul.

AAA: Takpelah, jadi kita teruskan kepada soalan seterusnya, jadi kompang ni selalunya dimainkan secara berkumpulanlah dimana kita nampak di mana-mana. Jadi berapa ramai orang yang terdapat dalam satu kumpulan kompang ni?

IAH: Dia sebenarnya kalau pengalaman saya lah, saya ikut tahun tujuh puluh an, jadi untuk main kompang ni, untuk dua orang saja dah boleh main kompang. Meningkah dengan menalu. Pukulan atas dengan pukulan bawah. Atas lapan [8] bawah tujuh [7]. Itu asas main kompang lah, mana-mana pun sama satu Malaysia. Tapi hanya dua [2] orang je dah boleh.

AAA: Jadi kiranya minimum dua [2] pun dah cukuplah tapi kalau nak ramai pun takde masalah lah kan. Janji persembahan.

IAH: Dia akan ikut benda ditetapkan.

MAS: Melalui pengalaman encik, encik pernah hadiri macam persembahan apa-apa yang melibatkan kompang tak?

IAH: Iya saya pernah wakil daerah dewan undangan DUN [Dewan Undangan Negeri] negeri Johor, wakil DUN Pemanis di peringkat negeri lah. Memang bagi negeri kerajaan Johor, dia ada kelebihan sikit, setiap tahun dia ada pertandingan dewan undangan negeri, mula dia main peringkat daerah, wakil peringkat daerah akan pergi daerah DUN, peringkat negeri lah, bawah kebudayaan negeri. Itu yang saya selalu pergi kadang tiga[3] empat [4] tahun kita akan ada wakil daripada kampung saya.

MAS: Okay-okay encik.

AAA: Jadi begitulah kita selidik lagi lah untuk berkenaan dengan kompang ni, jadi berapa jenis pukulan kompang yang ada dalam seni kompang ni?

IAH: Dia kalau ikut pukulan, kita hanya meningkah, menalu, menginting dan menganak. Hanya empat [4] saja. Sekarang ini dorang ada Kelandar, Izhar kan, pastu ada Zapin, semua itu ikut rentak sendiri lah.

AAA: Jadi kiranya empat [4] yang itu adalah asas memang daripada yang sebelum ini yang tambahan apa semua itu kira yang baharu lah.

IAH: Iya iya betul. Kita orang masukkan tamborin, masukkan jidur kan, maknanya tambahan nak sedapkan lagi lah.

AAA: Untuk memeriahkan kita panggil persembahan juga lah tu.

IAH: Betul.

AAA: Kira empat [4] yang asas tu apa perbezaan pukulan tu.

IAH: Okay sekarang ni kalau kita, dia menalu meningkah pukulan kembang dengan kuncup dibawah, cuma menginting ni kita lebihkan sikit pukulan tu, dia menganak makna banyak lah pukulan tu, kalau kita baru tiga [3] dia dah pergi lima [5]. Jadi menganak maksud ramai kan, banyak. Jadi kalau kita pukul tiga [3], makna dia pukul atas dah pergi lima [5], dah menyelang tu kita tak boleh ikut dia nanti bercelaru nanti. Itu yang pakar-pakar jelah dia kan boleh bawa menganak dengan menginting maknanya dia, kita ada bunyi lebihan yang sedap dan padat. Pengalaman saya masa berlatih kompang.

AAA: Jadi kiranya perbezaan dia pada bilangan pukulan lah. Jadi kira setiap pukulan tu kalau kita panggil dalam satu [1] persembahan, jadi satu pukulan tu akan digunakan, eh satu [1] persembahan digunakan satu pukulan je atau boleh dua [2] pukulan tu boleh kita mainkan dalam satu persembahan macam tu.

IAH: Nak sedap lagi empat-empat lagi bagus.

AAA: Boleh digunakan.

IAH: Iya, lagi mantap, jadi kalau orang dengar sini lain sana lain dalam pukulan tu banyak bunyi. Kalau guru-guru dia pakar lah dia tahu sini ada tiga [3] bunyi, dua [2] bunyi ada yang empat [4] bunyi. Itu yang buat orang lagi menarik, syok dengar.

AAA: Jadi kalau mungkin pada kita panggil penonton lah, mungkin dia kata sedapnya bunyinya apa semua, tapi kira pada pakar dia boleh bezakan lah macam berapa banyak pukulan.

IAH: Memang macam tu, kalau pakar ni dia dah tahu dah sebab apa tiap-tiap tahun bagi negeri Johor ada pertandingan peringkat Dewan Undangan Negeri. Kita ada panel-panel yang dipilih oleh kebudayaan yang ada kursusnya, ada bengkelnya. Dia tahu berapa pukulan pasukan tu bawa, boleh bawa pukulan jenis apa, 'Izhar' ke, 'Kelalang' ke 'Sinar Dua Belas' ke termasuk 'Zapin'.

MAS: Okay Encik.

AAA: Dalam kompang ni, pukulan dan paluan tu berbeza kan ke atau itu adalah kita panggil satu [1] yang sama je?

IAH: Dia memang berbeza sebenarnya cuma dah ramai kita dengar macam satu [1] je, Cuma jangan dia terabur je kan contoh yang lima [5] yang empat tu berselerak. Itu yang buat tak mantap.

MAS: Okay encik, berbalik kepada pukulan kompang, kompang juga selain pukulan kompang, kompang juga boleh digayakan dengan alat tradisional muzik tradisional yang saya difahamkan seperti beduk. Boleh digayakan dengan beduk semasa permainan dan paluan kompang.

IAH: Dia bukan beduk, kalau di Johor dipanggil jidur.

MAS: Jidur, okay-okay jidur.

IAH: Kalau di Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka jidur, tapi belah utara memang dipanggil beduk.

MAS: Beduk.

IAH: Beduk tu sebenarnya memang asal daripada dulu memang dah lama bukan, dia digunakan di surau-surau atau di masjid. Dia panjang sikit lebih kurang lapan kaki lah. Kalau ada kematian ke apa akan digunakan beduk lah. Jidur ni kita pendekkan hanya dua kaki jadi kita campur dengan kompang, maknanya ada bunyi lain lagi, tu yang buat sedap tu.

AAA: (Mengganguk kepala)

MAS: (Mengganguk kepala)

AAA: Kalau kita kira daripada dulu, memang adakah kompang itu dimainkan dengan alat muzik kompang sahaja ataupun macam yang kita dengar tadilah ada beduk ke ataupun jidur.

MAS: Jidur.

IAH: Kalau daripada dulu, kalau kompang, kompang je lah, kalau beduk, beduk. Jadi sekarang ni kita nak sedap, kemajuan kan. Orang ada kata ui ada jidur lah kompang tu. Sekarang ni takde jidur orang taknak panggil kita. Ini yang berlaku sekarang lah, ada perubahan sekarang ni ada darbuka, ada bonggo. Dorang masukkan sama dalam satu pasukan. Jadi kepakaran guru-guru dia lah sebenarnya. Jadi orang dah tak nak kalau dah takde jidur, orang taknak panggil, orang kerja kahwin ke apa kan contoh perasmian. Perasmian kita ada pukulan meningkah menalu kita takyah masuk menganak merasmi PM [Perdana Menteri] datang atau orang besar-besar datang. Kita masukkan jidur, jadi bunyi semua bertambah mantap lah dia gantikan pukulan yang menginting, menganak tadi.

AAA: Jadi kiranya ikut kita panggil kreativiti guru lah kira apa senang kata boleh je dimasukkan apa-apa alat muzik tradisional lah.

IAH: Iya betul, saya setuju memang macam gitu lah. Cuma kita nak naikkan budaya melayu kan, jadi kita tak perlulah ambil macam gitar kita ambil masuk kat situ.

AAA: (Tersenyum)

MAS: (Tersenyum)

IAH: Takpun kita masukkan rebana kadang-kadang , rebana tu masih lagi dibuat di Malaysia, di Terengganu, di Kelantan. Itu budaya kita kena masukkan balik, hidupkan semula.

AAA: Kita panggil apa kita nak memeriahkan lagi juga visi kompang ni tapi kita masih nak masih dalam budaya kita.

MAS: Budaya.

IAH: (Mengangguk kepala)

AAA: Kira sekarang ni memang takde lah orang yang campurkan dengan yang moden ni dengan gitar ke dram ke. (Tersenyum)

IAH: Sebenarnya kalau kita tengok qasidah kan, okay qasidah tu saya setuju juga tapi tu lah campuran dia dengan budaya barat kan dengan gitar, jadi tak sesuai lah dengan kita kan, kalau kita kaji balik dalam hukum, benda yang bertali kan. Jadi itu masalahnya. Saya sebelum buat kompang dulu pun saya sebelum buat beduk saya cari ustaz kan, boleh tak saya buat jidur, boleh tak saya buat kompang kan. Jadi pada asalnya memang zaman Nabi dulu dah ada daripada kulit kambing. Itu yang saya teruskan usaha tu. Kita kaji balik kalau campur-campur dengan kita dengan budaya barat makna kadang boleh melalaikan kita. Kita tak boleh benda tu kan. Tu yang saya kadang tak mahu, guna tradisional kampung saja lah.

AAA: Sebab mungkin kita panggil kalau kena mungkin sedap bunyinya dengan model cuma kita panggil kita punya budaya tradisional kuranglah, lari sikitlah.

IAH: Contoh qasidah tu, qasidah tu memang dimainkan oleh sekolah-sekolah tahfiz kan, tapi bila masuk benda yang bertali maknanya dah ada sedikit lari lah. Itu maksud saya kalau kita kembali balik kajian balik agama, benda-benda bertali tidak dibenarkan. Bila qasidah ni dia pergi masuk bonggo takde masalah, benda-benda yang guna kulit kambing tu takde hal lah. seronok bila dengar pun dari jauh pun rasa lagi meriah kan.

AAA: (Mengangguk kepala) Tu rasa pun kalau kita sebab kita pun nak biar nak anak muda sekarang terima lagi kompang ni masih tidak mengangap macam apa ni kuno ke apa tapi kita masih nak dalam budaya lah. Saya pun bersetuju juga lah sekiranya sekarang pun boleh je kira menambah baik persembahan cuma masih kita menggunakan alat-alat muzik tradisional lah kan.

IAH: Saya rasa macam gitu lah, tapi tengok kepakaran pemimpin setempat. Sama ada dia perlu cara nak menarik anak muda apa semua kan, kesenian ni benda yang halus sebenarnya cuma perlu diadakan kualiti masing masing kesenian tu cuma cara nak menyerapkan pada jiwa masing-masing mengikut kepimpinan kalau dia boleh menarik anak-anak muda, maknanya satu [1] keistimewaan pada diri dia lah. Bagi laluan main kompang, main jidur, jadi dia benda kesenian ni serah pada jiwa dia. Sebab apa benda ni lagu-lagu kita bawa ni kadang-kadang lagu-lagu ‘Yaman’, lagu-lagu ‘Arab’ kan, selawat apa semua. Kita kena fikir juga tu.

AAA: Betul juga, dah kita pun memang selawat kira, selawat dimainkan dengan gitar, saya rasa _ _ _ _ . (Ketawa kecil)

IAH: Ha ye lah. (Ketawa kecil)

MAS: Encik, macam mana penerimaan anak muda terhadap kompang pada masa sekarang bagi encik yang boleh menarik minat pada masa sekarang?

IAH: Sekarang ni cara kita pemimpin tu macam mana nak tarik, ha tu je cara. Dorang suka, okay. Saya pernah satu pasukan la bukan tempat saya lah, kita pendapatan boleh sampai dua puluh ribu [20000], lima belas ribu [15000] dengan main kompang je. Jadi satu [1] pendapatan sampingan diorang, dan saya pernah juga dengan hasil kompang kita boleh bawa dia pergi Langkawi, melawat Kelantan, kat situ lah kepimpinan kita macam mana. Kalau kita boleh bawa dia pergi Kelantan pergi Langkawi dengan tanpa bayaran, dia seronok sebenarnya. Saya pernah dua ribu lima belas [2015] saya pernah bawa pergi langkawi, satu bas tanpa keluar duit dengan hasil kompang je dengan beli pakaian, beli apa semua en. Itu yang cara kita nak menarik serapkan seni tu. Tu lagu-lagu arab, lagu yaman, selawat dorang tak boleh bawa, boleh bawa, itu yang kita nak.

MAS: Kiranya dengan hanya bermain kompang dapat dijadikan pendapatan yang lumayan cik.

IAH: Iya betul.

IAH: Di Kuantan, kawan saya, Taman Tas, dia sampai beli satu kenderaan van, van itu dia boleh disewakan pula kepada orang ramai lagi, dengan hasil pendapatan kompang tadi, dapat beli sebuah van dan sewa untuk orang ramai untuk nak pergi melancong apa semua. Jadi duit tu cukup setahun dia akan diagihkan pada hari raya. Hari raya dia bagi akan pada yang main tu sorang berapa_____dengan duit, nak raya dapat duit, nak beli daging ke apa.

MAS: Kiranya berbalik kepada penerimaan pemimpin setempat tu bagaimana diorang nak menarik perhatian anak muda, itu saja yang penting.

IAH: (Mengangguk kepala)

AAA: Jadinya kita bergerak kepada soalan seterusnya. Kalau yang mana kita dengarlah, yang kita tak tahu sahah atau tidak. Pukulan dan juga paluan, adakah berbeza atau itu kita panggil perkara yang sama cuma nama yang berbeza, pukulan dan paluan.

IAH: Dia pukulan dan paluan sama je, dia ada yang belah belah. Sebagai contoh di kompong dia je, kompong belah utara dia tak panggil kompong, dia panggil adra. Bila di belah selatan dia panggil kompong. Benda ni sama juga, saya pernah bekalkan di Kedah, di Perak, Perlis. Dia kata disana panggil adra tapi di Johor dipanggil kompong, benda yang sama_. Sama lah sebenarnya.

AAA_____. (Mengangguk kepala)

MAS: Sama-sama okay-okay. (Mengangguk kepala)

AAA: Sebab ni kot mungkin kita panggil bercampur di utara di selatan tu yang menyebabkan ada kata pukulan ni perkara yang lain, paluan ni adalah teknik yang lain. Ha macam itu lah.

IAH: Sama je bezanya. (Mengangguk kepala)

MAS: Sama. (Mengangguk kepala)

AAA: Jadi kiranya paluan pun kira yang empat tadi tu lah kan.

IAH: (Mengangguk kepala)

AAA: ___.

MAS: Okay cik kita terus kepada soalan yang lain, okay sebagai seorang tokoh dan juga telah berpengalaman lama dalam bidang kompang, berapakan masa yang perlu diambil untuk berlatih anak-anak murid sekiranya mereka berminat dalam kompang, berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk menjadikan mereka betul-betul mahir?

IAH: Masa untuk itu memang makan masa lah, dia maknanya lebih kurang dua [2] tiga [3] bulan pun kadang-kadang tak dapat lagi. Kadang-kadang kita pukul dia tak boleh menyanyi, kadang-kadang dia pukul, dia boleh pukul dia tak boleh menyanyi. Dan adanya yang boleh menyanyi tapi tak boleh buat pukulan. Memang makan masa lah. _ _ _ _ . Kebiasaan dia tak boleh pukul, dia pukul tapi tak boleh menyanyi, ada yang boleh menyanyi tapi tak boleh pukul. Memang makan masa sikitlah.

MAS: So [Jadi] secara, secara asasnya dalam mengambil masa dalam dua [2] hingga ke tiga [3] bulan lah untuk seseorang pelajar itu mahir. Okay encik apa tu, ada macam, ada tak macam latihan ataupun asas untuk belajar ini memahirkan, maksud saya ada tak latihan khusus bagaimana untuk mereka mahir.

IAH: Dia sebenarnya kita main kompang ni kita hanya pukulan dia memang mudah lah, kalau tengok kita pukul atas, makna tengah-tengah tu lapan [8], yang dibawah kita rapatkan tangan tu tujuh [7]. Kalau dulu benda ni mudah cuma kita nak yakinkan pada diorang buat kan kadang tak serentak, tu je. Memang ada daripada kebudayaan negeri pun ada latihan _ _ _ _ untuk bermain kompang, itu lah memang ada bengkel yang disediakan oleh kerajaan negeri lah masing-masing punya pengarah kebudayaan.

MAS: (Mengangguk kepala)

AAA: Jadi kiranya apa kita panggil latihan individu tu memang dah lama dua [2] tiga [3] bulan tapi nak masuk kepada latihan berkumpulan pun makan masa juga mungkin permainan mereka tidak seragam macam tu.

IAH: Tak kena dengan lagu dia, rentak dia. Kalau orang yang pakar, kita, contoh main tengah main dia buat lagu 'Kembang Payung' lah dia bawa dengan tiba-tiba dia tukar lagu lain kan kita bagi dia *time* [Masa] tu juga dia boleh buat. Makna dia boleh tukar lagu lain, tu kepakaran diorang lah. Pernah juga berlaku disini dulu orang main kompang hanya mengiring pengantin, tapi sekarang dari pukul sebelas [11] sampai pukul tiga [3] dah macam kugiran pula, makna semua lagu dia boleh bawa, dengan pukulan yang lain. Buat masa sekarang yang terbaru yang saya pernah tengok. Maknanya pukul sebelas [11] tu dia buat dia start main kompang sampai pukul tiga [3] macam-macam lagu, kita bagi, contoh lagu apa-apa pun dia boleh bawa, maknanya lagu kepakaran diorang. Kemudian mengarak pengantin, dia berhenti, mengarak pengantin pastu dia sambung balik lagu apa. Jadi kita bagi lah lagu Hindustan ke, lagu Cina ke apa dia boleh bawa. Memang berlaku sekali masa di negeri sembilan pun saya dah pernah tengok.

AAA: Kiranya lagu-lagu kompang ni adakah memang ada lagu khas lagu untuk kompang tu ataupun.

IAH: _ _ _ _ . - -

IAH: Macam lagu khas memang takde lah cuma tengok kita nak pergi mana. Orang kahwin tak sesuai lagu apa lagu dangdut apa kan mesti ada kena mengena dengan lagu bersanding kan. Kemudian tengok perasmian, kita takde kena mengena kita bawa lagu orang kahwin, tu dah fail masalah sikit. Perasmian contoh nak menyambut orang datang rasmikan sekolah apa PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] mesyuarat kan, tak boleh lah bawa lagu orang kerja kahwin. Maknanya tak sesuai tukar lagu lain. Takpun pukul pukulan kosong.

AAA: Jadi kira kalau kita panggil kebiasaan, berapa banyak, maksudnya kompang ni selalu kita mainkan di majlis-majlis yang macam mana?

IAH: Dia tengok.

AAA: Waktu sekarang lah.

IAH: Sekarang ni banyak perasmian lah, perasmian, mesyuarat apa en, sekarang ni memang kita tak boleh orang kahwin, makna kalau ada perasmian, makna baru kita panggil lah. Lagu-lagu tu lagu kosong je dia takde lagu kadang. Jadi kita banyak gayakan. Satu lagi kalau pertandingan dia memang dah bagi dia punya tema dia lagu apa yang boleh bawa. Maknanya kita terpaksa cipta lah, cipta lagu tema yang dia bagi tadi. Contohlah lagu UMNO [United Malays National Organisation] kan, UMNO taja. Okay kata nak lagu UMNO bermakna lagu tu kita buat pukulan kita lah, kita kena ubah balik dengan lagu tu, ubah pukulan makna kepandaian kita lah. Dia takde tetap untuk apa-apa, dia maknanya setiap orang kahwin lagu lain, kalau perasmian lagu lain, kalau pertandingan tengok tema apa yang dia buat. _____.Pandai lah mengajar anak-anak buah dia.

MAS: Okay encik.

AAA: Kiranya kalau pada asasnya kita panggil lagunya adalah selawat lah kan, asalnya.

IAH: Iya. (Mengangguk kepala)

AAA: Jadi sebab kita nak masukkan lagu-lagu jadi menggunakan mana-mana lagu yang kita panggil tradisional ke kita masukkan dia dalam kompang, begitulah.

IAH: Pada awalnya kita nak macam gitu, tapi nak tengok majlis dia apa yang kita nak buat, kat mana yang kita nak bawa. Kalau majlis tu saya cakap tadi kalau kita untuk khatam quran kan, pastu mengiring budak-budak khatam, kita bawa lagu-lagu Yaman, tak sesuai lah bawa lagu _____.

AAA: (Mengangguk kepala)

IAH: Ha itu berbeza dia tadi, kepandaian kita ni “eh ni orang khatam takkan nak bawa lagu pengantin, yang itu eh ni ada perasmian mesyuarat takkan nak bawa lagu Arab pula, kita tengok keadaan dengan situasi dekat mana.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: Okay.

AAA: Kira ada yang ambil lagu yang sedia ada tapi dia kompangkan, tapi ada jugalah kira yang pakar-pakar memang dia ciptakan lagu sendiri khas yang mengikut tema lah, memang ada lah yang itu.

IAH: (Mengangguk kepala) Maknanya itu kepandaian diorang boleh mencipta apa lagu nak tambah ke apa en bersesuaian dengan majlis yang nak dia hadiri.

MAS: Okay encik.

IAH: Iya.

MAS: Tadi encik ada nyatakan berkaitan dengan pertandingan, saya juga difahamkan bahawa pertandingan yang ada di malaysia salah satunya ialah pertandingan kompang berirama ataupun kompang formasi.

IAH: Iya.

MAS: Bagaimana dengan formasi kompong yang diciptakan dalam pertandingan?

IAH: okay yang kompong formasi ni dia yang saya tahu lah dia lebih kepada pergerakan bukan pada pukulan, untuk memang kita boleh buat bunga raya, kita boleh buat apa-apa kan dengan pergerakan sambil pukulan tu kurang dia tak banyak, itu yang kompong formasi lah yang maknanya pergerakan dia lebih kepada pergerakan makna dia boleh berpusing sambil pegang kompong tu, pukulan dia tak banyak. Bukti dia pusing dia jadikan bunga, jadikan rumah atau bentuk-bentuk kan. _ _ _ _ cuma sekarang ni dia banyak gunakan kompong x-ray.

MAS: (Mengangguk kepala)

AAA: Kompong apa tu?

IAH: Kompong filem x-ray, yang kita x-ray hospital tu, dia warna hitam.

AAA: Filem x-ray tu lah kan.

IAH: Filem x-ray tu dia gantikan dengan kulit kambing

MAS: Adakah bunyi dia seakan sama dengan kulit kambing ataupun bunyinya lagi sedap ke apa?

IAH: Okay memang tak sama, dia jadian yang dijadikan macam kulit kambing terjadi dengan sendirinya, maknanya lebih mantap lah. Dia banyak guna tapi kalau plastik ni kita buat satu ni je, ketebalan tu apa kan, dia keluar satu mesin tu satu ni je. Ha itu kelemahan dia pula, _____ yang dicipta tu ada lah kelemahan dia daripada kulit kambing ni dia jadi dengan sendiri bermakna banyak lagu, makna dia tebal, nipis kita tak dapat pasti. __ kalau filem ni kita dah tahu tebal dia berapa, berapa inci berapa m kan. Jadi bunyi dia sama je. Itu lah beza tadi kulit kambing dengan filem x-ray.

AAA: Kira kulit kambing bunyi dia lebih sedaplah daripada filem x-ray tu cuma.

IAH: Ya, dia macam bunyi dia banyak tau.

AAA: (Mengangguk kepala)

IAH: Kalau plastik.

AAA: Cuma mungkin persembahan tu kita panggil nak serasi jadi diorang semua pakai x-ray sebab tahu lah ketebalannya lah.

IAH: Ya ya. (Mengangguk kepala)

AAA: (Mengangguk kepala) _ _ _ jadi kira kalau persembahan kompiang ni selalunya, persembahan pula, maafkan saya, pertandingan, dia ada banyak kategori ke?

IAH: Dia ada, ada yang biasa je, ada yang formasi, ada yang nak gunakan peralatan lain, ha dia akan, lepastu dia guna lagu lain. Dia tengok pada peralatan, kadang-kadang dia tak boleh guna jidur, dia nak *ori* [asli] kompang saja. Guru dia kena fikir lah macam mana dia nak cari dia punya markah kan. Jadi dia tak boleh main apa walaupun enam belas orang tapi main kompang ni, ada pertandingan dibenarkan main jidur, jadi mantap lah kan, tambah lagi lagu, maknanya boleh ada alat lain. Tengok dia punya ni juga lah tema untuk pertandingan.

AAA: Contoh-contoh tema yang ada?

IAH: _ _ _ .

AAA: Tema-tema kompang.

IAH: Terpulang kepada kebudayaan, kebudayaan tu dia letak tahun ni tahun apa, dia tengok dia punya apa tema dia contoh katakan yang taja tu, tengok siapa yang taja tu. Kadang-kadang _ _ _ . Lagu wajib dia mesti lagu tu tapi kena tambah lagu lain tu bebas.

AAA: Mungkin kalau ikut tema dia macam ada satu lagu khas yang kita perlu guna dan tambahbaik lah, kiranya yang pakar-pakar akan tambah, _ _ apa kita panggil meriahkan lagi lah macam tu lah.

IAH: Betul (Mengangguk kepala)

AAA: Kira mengikut pada tadi kita cakap pertandingan punya kategori lah kira penggunaan ke mungkin ye lah formasi apa semua, pada bilangan kita panggil ahli satu kumpulan tu selalunya memang dah ditetapkan ke atau mengikut pada kumpulan tu berapa ramai dia nak bawa.

IAH: Sebenarnya ialah kalau ikutkan kumpulan memang ramai saya pernah sampai enam puluh [60] orang satu kumpulan tapi kalau pertandingan hanya enam belas [16] orang ataupun paling tinggi pun dua puluh [20] orang macam tu je. Makna kita pandai dengan dua puluh [20] orang, dua-dua boleh bawa kita pecahkan kita masuk dua [2] pasukan.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Dia tak kisah _____ kalau terbuka dia tak kesah, makna kalau ada enam puluh [60] orang maknanya kita boleh buat tiga [3] pasukan. Tengoklah kalau menang pun pasukan kita juga kan _.

AAA: (Ketawa kecil)

MAS: Betul-betul (Ketawa kecil)

IAH: Kampung lain taknak masuk, pernah terjadi di segamat, kampung yang sama sampai dua pasukan masuk. Akhirnya nombor satu [1] nombor dua [2] dia juga. Cuma pun tiap-tiap tahun pasukan formasi di sekolah kampung jawa, sekolah bandar putra, guru yang sama, jadi dia masuk dua-dua sekolah _____ guru yang sama, maknanya nombor satu nombor dua [2] dia juga. Dulu lah kan, ada peluang je masuk, dia wakil kampung jawa, dia wakil sekolah jementah, dia wakil sekolah bandar putra kan, jadi kalau tiga [3] pasukan tu orang dia maknanya yang lain datang masuk macam biasa juga, satu [1] dua [2] tiga [3] dia menang orang pertikaikan. Jadi benda tu dia dah usahakan kita nak cakap macam mana.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Itu pasal dia, dia ramai, budak dia ramai. Dia pandaikan bahagikan lagu dia, alunan lagu dia macam mana, dia bawa rentak macam mana. Kita dah kalah kena terima lah walaupun dia punya sama empat pasukan ke lima pasukan bawa je.

AAA: Itu lah walaupun kita gurunya bagus tapi kira bakat dan peserta pelajar tu juga lah kan kalau dia menang satu dua tiga kita memang tak boleh pertikaikan.

IAH _____ dia ikut syaratkan. Dia bawa peralatan lain makna dai ikut, lepastu dia tak lebih dari maksimum berapa orang, dia ikut juga, makna dia menang satu dua tiga, dia menang, makna kita kena terima lah ____. Takde benda yang kita nak protes _____ dah lengkap.

AAA: Kita panggil selagi kita tak melanggar peraturan lah, peraturan pertandingan kan.

IAH: Kalau umur kata umur, okay kalau kata umur tu, dia semak lah kan dekat panel lah kan, itu je. Kalau dia melanggar makna dia terima lah aduan tu. ____.

AAA: Jadi kira, untuk pertandingan yang kita panggil peserta pun ada dikira umur juga ke?

IAH: Ya, memang ada, kita ada peringkat sekolah tadika, enam [6] tahun kebawah, itu peringkat sekolah tadika. Kita ada peringkat sekolah rendah, dua belas [12] tahun. Kita ada peringkat sekolah menengah, lima belas [15] tahun atau lapan belas [18] tahun, memang ada dan terbuka. Kalau terbuka kita boleh campur semua. Makna tadika, orang perempuan, ada yang perempuan je tak boleh lelaki.

AAA: Perempuan je. (Teruja)

MAS: Ha okay cik berbalik kepada kategori mengikut umur, bagaimana pula dengan dari segi pukulan, maksud saya kalau contoh peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, adakah ada perbezaan pukulan masa pertandingan ke?

IAH: Sebenarnya takde.

MAS: Takde.

IAH: Cuma penyatuan kita dengan budak-budak ni kan. Budak sekolah rendah dia punya pukulan dia mantap sama je, ___ sekolah menengah pun pukulan dia sama je dengan tema dia kan cuma nak mantapkan tu, dia boleh jadi satu [1]. Ramai-ramai kata contoh dua puluh [20] orang tapi tak terabur. Itu kelebihan pada satu [1] pasukan lah. Dia mati pun ngam je. Pukulan tu mati takde terabur tertinggal satu [1] ke terlebih satu [1] ke. Biasa mati diorang tengok markah lah.

AAA: Kira pertandingan kategori umur ni kita panggil untuk apa ni menghadkan bakat lah tapi kalau mungkin kita panggil yang sekolah tadika tu boleh bermain macam orang dewasa, sah sah lah dikira yang terbaik lah kan.

IAH: Memang peluang untuk dia menang lah _ _ _.

MAS: **(Ketawa kecil)**

AAA: **(Ketawa kecil)**

AAA: **Dia takde kita panggil hadkan lah, boleh main, kira untuk pertandingan memang takde hadkan, boleh main apa je _ _ _.**

IAH: Tapi jangan, pukulan ada, tiba-tiba lagu pula lambat habis. _ _ _ (Senyum)

AAA: **(Senyum)**

MAS: **(Senyum)**

IAH _____ kita tengok. Karang [Nanti] tiba-tiba pukulan terlebih satu [1]. Sorang pula terpukul lagi, nak main lagi tapi dah habis. Itu yang orang kata takde brek tu.

AAA: **Seperti kebiasaan yang kita nampak memang kalau kita panggil persembahan ke pertandingan kompang ni memang lelaki, lelaki sahaja, ke memang yang - - untuk perempuan pun adalah. Ke kira tak ramai?**

IAH: Kadang-kadang dia campur, campur juga kadang-kadang macam kumpulan yassin kampung kita kan dia dengar nak masuk pertandingan kompang, okay *training* [latihan] _ _ _ _ . Ni perempuan boleh jalan jalah lah. Kita masukkan juga, taklah tinggal kan juga cuma jaga batasan macam mana.

AAA: **(Mengangguk kepala)**

MAS: **(Mengangguk kepala)**

IAH: Yang lain takde apa sama je sebenarnya. Kadang-kadang perempuan ni lagi mantap, lagu-lagu dia - - suara dia kan lagi sedap.

AAA: **(Mengangguk kepala)**

MAS: **(Mengangguk kepala)**

IAH: Kita masukkan, dia boleh menang lawan dengan lelaki _ _ _ _ .

AAA: **(Mengangguk kepala)**

MAS: **(Mengangguk kepala)**

IAH: Sama je sebenarnya , cuma perbezaan kita nak mengatur nak menyusun tu.

AAA: Jadi kira pertandingan-pertandingan yang mengikut kategori umur ni, kebiasaanya memang kita panggil jantina tak lah ni lah kan. Kalau sekolah tak kisah laki perempuan.

IAH: Panggil terbuka lah. Maknanya boleh campur.

MAS: (Mengangguk kepala) Okay-okay pakcik.

AAA: Kira kalau syarat yang kita tahu lah, jadi untuk persembahan terpulang kan selalunya berapa ramai yang kita nak bawa, untuk majlis kita nak bawa enam puluh orang pun takde masalah lah kan. Cuma kalau.

IAH: Kalau pertandingan tak boleh lah, tengok capaian dia lah, kalau pentas dia tak besar, makna takkan kita nak bawa sampai enam puluh orang [60]. Padat dekat situ.

AAA: Sebab itu syaratnya lah tapi saya rasa untuk keadilan juga lah kan mana tahu mungkin ada kita panggil satu kelab tu yang memang besar, yang boleh bawa ramai-ramai. Yang kelab kecil tu memang tak boleh menang lah. Kalau enam puluh [60] lawan sepuluh [10] macam tu kan.

IAH: (Mengangguk kepala) Saya setuju tu sebab apa kita pernah bawa lima ratus [500] orang dekat dataran segamat dengan satu pukulan.

MAS: Li--lima ratus [500] orang? (teruja)

IAH: Ha lima ratus [500] orang, setiap kampung kena hantar wakil. Dari daerah-daerah, termasuk uitm pun ada hantar, semua ada, memang semua daerah Segamat, daripada Gemas ke ____, sampai jementah semua kampung kena hantar. Satu [1] sorang lebih kurang enam belas [16] orang. Dia beri baju lah, pukulan dia satu je. Tapi memang sedap lah dengor meriah tau, ramai.

AAA: Pada tahun berapa tu?

IAH: Dalam dua - - sebelum pkp ni lah ____, anjuran Majlis Daerah. Majlis Daerah Segamat, ____ dalam tahun lepas macam tu.

AAA: Saya rasa pada tahun dua ribu sembilan belas [2019], ataupun ha dua ribu sembilan belas [2019] gitu kan sebelum PKP [Perintah Kawalan Pergerakan].

IAH: ____, masa tu memang lah keuntungan pada saya tapi pihak kerajaan ni dia - - pihak pejabat daerah dia pandai gunakan kewangan yang ada tu kan bukan bantu saya tapi seronok beli baju sampai apa lima ratus [500] helai. Jadi pengusaha baju pun dapat lah pendapatan. Kompang yang mana nak *repair* [baiki] dia *repairkan* [membaiki]. ____ itu cara dia __ untuk pengusaha tak ketinggalan lah dari segi ekonomi.

AAA: Saya rasa saya ingat mungkin majlis ni. (Ketawa kecil)

MAS: So [Jadi] secara asasnya majlis ni dia meningkatkan juga pendapatan daripada orang pengusaha kompong, pengusaha baju.

AAA: (Mengangguk kepala)

IAH: Ha betul bukan panggil orang sesuka je. Daripada segi makan pun kalau lima ratus [500] bungkus dah berapa en, kalau tiga [3] ringgit cukuplah. Kalau lima [5] kali tiga [3] dah seribu lima ratus [1500]. Benda-benda tu tepat. Dapat duit dia akan buat baju yang sepuluh ringgit [RM10] pun tapi kalau dah lima ratus [500] dah lima ribu [5000]. Macam saya kompong-kompong dia nak *repair* [baiki], makna saya pun naik, semua - - ekonomi pun bergeraklah ha maksudnya.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Itu lah sebab kerajaan pula membantu dari cara macam gitu.

AAA: Daripada satu program tu kita panggil banyak pihak yang untung, bukan pada penganjur saja.

MAS: Ya (Mengangguk kepala)

IAH: (Mengangguk kepala) Ya betul-betul. Itu yang kita nak. Kalau diorang sekarang ni tak pandai nak - - pastu masing-masing kita ni- - sebab apa saya dulu nak buat kompang, nak berniaga kompang ni, saya belajar dengan guru cina di sekolah di sekolah menengah Seg Hwa. Bila saya nak berniaga, dia tanya satu je “ you nak buat meniaga boleh tapi you ada menteri tak?” Dia cakap saya macam tu. “you tengok malaysia you menteri apa, you meniaga kompang apa.” Saya tengok betul dia cakap, saya masa tu buat kompang- - menteri kebudayaan dan kesenian kan, makna kat situ lah you tahu. Dia cakap “ dia panggil, Ismail Ismail you tahu tak dia tu ada duit tau. Menteri dia takde bawa seratus [100], dua ratus [200], dia bawa wang satu ribu [1000], lima puluh ribu [50000]. Jadi duit tu dia kena habiskan tiap-tiap tahun, dia sebagai menteri dia kena *order* [pesanan] kompang dua ribu [2000] biji, tiga ribu [3000] biji untuk bagi orang kampung. Kalau itu you boleh rapat dengan diorang, you boleh untung, you boleh naik.” Ha itu lah cara saya asal asal meniaga dulu lah. Baru kita kembangkan, kita daftarkan, untuk *register* [daftar] kita buka akaun, untuk kita majukan bisnes pastikan ada menteri. Kalau nak __ lah.

AAA: Kira perancangan dia lah, dalam kita panggil memang kita nak apa nama keuntungan tapi dalam sama kita dapat tu lah kebudayaan tu, kita dapat juga tunaikan, tapi masih kita ada lagi untungnya lah.

IAH: Ha betul, makna banyak, makna bajet tu ada. Contoh siapa nak beli kompong betul? “kalau saya tanya awak, awak buat kompong. Awak nak jual kat mana ni kompong?” Saya pernah soalan tu diaju kepada saya. “awak nak jual kat mana ni kompong ni?” Ha pernah orang- - jadi kita pun berfikir apa yang perlu kita buat. Kompong ni kita boleh jual kat sana, kat sini. Bajet pula okay kerajaan walaupun PKP, PKP sekarang ni, orang tak boleh main kompong kan, tak boleh perasmian, memang takdelah. Tapi terfikir kenape _ tak pernah cuti. Maknanya betul- - last sekali saya tengok balik yang kawan- - kawan yang bangsa cina cakap dengan saya. Kita ada menteri, kita ada exco kebudayaan. Setiap daerah ada. Dekat situ lah dia kena habiskan. Contoh exco dia kena habiskan lima ratus ribu. Beli kompong ke beli rebana ke apa en, gendang silat ke. Makna duit tu akan turun ke bawah. _ _ _ kalau menteri lagi besar sampai tiga [3] juta empat [4] juta betul.

AAA: **(Mengangguk kepala)**

MAS: **(Mengangguk kepala)**

IAH: Jadi kat situ lah sya fikir balik betul kawan saya cakap ni. Maknanya Alhamdulillah walau pkp pun, budak ni dapat kerja dan saya dapat *supply* [bekal] kan lo-lo daripada takde. Walaupun tak main tapi saya dapat duit, saya dapat bekalkan sekolah-sekolah, saya dapat universiti dalam malaysia yang mana ada kebudayaan kan. Ha itulah maksudnya kita nak-nak apa nak buat tu biar halatuju ke depan dulu. Boleh tak buat – “kau buat kompong sape nak beli, sape nak main” lagi orang tak boleh main tapi orang boleh beli sebab bajet kita kena habiskan bulan sepuluh. Tapi kalau sepuluh[10] juta, dalam malaysia kita pembuat kompong hanya tiga [3] atau empat [4] je. Itu yang maksud saya tadi kita terus fikir apa yang jadikan pendapatan kepada kita.

AAA: Kira kita panggil ye lah memang lah menteri-menteri- -setiap menteri tu ada peruntukan dia lah cuma kita yang kena pandai lah- - __ __ gunakan peruntukan tu lah.

IAH: Untuk naikkan ekonomi orang-orang bawah-bawah, kampung-kampung __ __.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Sebab apa saya dulu pernah dua kosong kosong enam [2006]. Saya dapat naib johan, gunakan kulit kambing. Saya dapat berapa ribu untuk anugerah tu. Saya terfikir balik, betul saya guna kulit kambing tapi saya dapat duit. Pengusaha kambing pun dapat duit daripada kulit dia buang. Kerajaan dua kosong kosong enam [2006], menteri pertanian masa tu Tan Sri Muhyiddin _____ janji rakyat aku boleh maju. Dia pulak tengok kita dah maju- - dah boleh gunakan kulit kambing daripada buang. Dia buat pula anugerah. Okay tanduk - tanduk lembu ke rusa ke jadi duit. Buat sarung parang. Jadi _____ nak menjalankan tugas tu macam mana. Nak naikkan taraf ekonomi orang bawah-bawah kan. Di negeri-negeri lain sebenarnya dia tak maju, tapi __ __ dia boleh jadikan duit, apa semua kan. Itu yang kita nak. Menteri dia keluarkan duit “ ha ni mesin beli mesin, __ __ awak ambil mesin, awak apa, nanti beli jadi cantik.” Sebab apa orang-orang dia tak bising sangat. Malaysia ni kita ni masih lagi, ada duit tapi tak tahu nak gunakan.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: So [jadi] secara asasnya peruntukan daripada pihak kebudayaan dan kesenian negara membantu usahawan- usahawan ataupun peniaga-peniaga kecil menjalankan bisnes mereka sendiri untuk membantu menggerakkan ekonomi.

IAH: Betul, saya setuju. Kita dengar je ada peruntukkan daripada belia, peruntukkan daripada menteri pendidikan, daripada kebudayaan contoh eh, kesenian, veterina apa semua. Tapi dia tak pandai nak mengagihkan makna dia tak cekap dalam ___ jawatan dia. Bagi saya lah. Cuba dia bagi veterina. “orang ni pandai _ kulit kambing jadi duit, jadi you datang, you nak buat apa? Buat komping, nak mesin dia bagi mesin apa. Jadi orang yang jual kulit kambing ni lagi seronok. “ __ jual dapat duit ___ dapat duit ___. Dulu saya tanam je, buang je. Kepala pun dia buang kan, jadi sekarang ni harga dah pergi dua puluh [20] ringgit. Dulu sepuluh [10] ringgit. Bermaknanya pendapatan dia tu daripada seribu [1000], sepuluh ribu [10000], dua puluh ribu [20000].

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Buang je bayangkan. Kulit kambing apa korban tu banyakkan. Kerja dia senang, kalau kambing tu kulit dia, dia buang, dia upah orang keringkan satu ringgit, dia jual dua puluh ringgit. Ha itu lah kelebihan. Kita nak kan ekonomi kita naik. Maknanya semua pengusaha-pengusaha pun seronok lah jual kat kita. “ wah boleh jual kulit kambing laku, dulu buang” itu yang kita nak tu.

AAA: Kira harga kulit kambing tu dia kira macam mana ? Dua puluh [20] ringgit tu kira ikut berat?

IAH: Dia kira keping.

AAA: (Mengangguk kepala) Kira keping.

MAS: (Teruja) Kira keping.

IAH: Dia kulit tu basahkan, kalau basah kita ambil sebiji kita untunghlah. Contoh saya beli lima [5] ringgit, kalau kering dia dah buat saya beli dua puluh [20] ringgit. Kalau lima [5] ringgit tu saya upah budak-budak kampung, panggil dia “kau tolong jemur kulit kambing dekat padang, kau paku saya bagi dua [2] ringgit. Baru tujuh [7] ringgit harga dia. Itu saya masih ada untunghlah daripada beli dua puluh [20] ringgit tadi kan. Jadi yang keduanya mana-mana budak yang tak bekerja dapatlah pendapatan. Itu yang saya mahukan sebenarnya. Itu impian saya untuk nak jadikan satu syarikat, bukan untuk suka-suka nak main kompang aur-aur takde tapi nak membantu banyak tenaga buruh yang boleh kita gunakan. Ha tu yang matlamat saya lah. Niaga ni bukan untuk suka-suka. Memang semua kompang saya suka, tapi pendapatan tenaga buruh kita ambil, anak-anak kampung boleh kerja. Satu hari boleh dapat tiga puluh [30] ringgit, dua puluh [20] ringgit dengan hanya paku kulit kambing je. Selain yang berkerja kompang tu lain lah, tambah lagi untuk kulit kambing. Maksudnya matlamat saya untuk mengurangkan tenaga buruh lah. Lebih padanya.

AAA: Sebab rasanya macam bagus jugalah sebab memang selalunya yang kira pengembala kambing dia akan - - kan dia jual kambing dia atau dagingnya saja, kulitnya dibuang.

IAH: Betul.

AAA: Sayang dekat situ, kita ambil, dia pun dapat untung, sebab kita beli kambing dan kita pun dapat untung sebab kita proseskan lah kulit kambing tu kan.

IAH: Ha betul. Saya memang itulah matlamat saya. Kenape saya nak suka-suka pergi kat orang _____ orang sembelih kambing dia buang kan, kenape saya nak buang je, tapi saya nak menambahkan pendapatan diorang sebenarnya. Kalau dulu dia boleh buat lima puluh [50] ekor sebulan, maknanya kulit tu dia buang. Kalau dua [2] kali lima [5] dah seribu [1000] ringgit sebulan pendapatan dia. Kalau dia upah pekerja pun tiga [3] ringgit pun dia ada tujuh ratus [700]. Pekerja dapat lagi tiga ratus [300] ringgit, jadinya tenaga buruh dekat kampung pun suka dengan dia. “boleh kerja kulit kambing” nak membantu tenaga buruh kita ni makin lama makin ramai kan, jadi pengusaha-pengusaha apapun bukan kompong jelah, maksudnya rebana ke bantu orang kampung, anak-anak muda kita ni kan. Memang lah kita kata suka-suka tapi dia dapat pendapatan. Itu yang kita mahu.

AAA: Jadi kebanyakannya, agak-agaknya kira kita panggil syarikat-syarikat yang membuat alat-alat muzik tradisional ni lah maksudnya kompong ke rebana. Kan kebanyakan menggunakan kulit kambing apa semua tu. Adakah yang kita panggil yang mengusahakan tu selalunya orangnya memang ada kita panggil kelab kompong, kelab muzik tradisional diorang?

AAA: Kira satu lagi pakcik pun ada kita panggil servis membaiki kompang. Betul?

IAH: *Repair*, [Baiki] betul. Boleh kita repair kulit-kulit yang dah koyak tu kita *repair* [Baiki] baru lah. Varnis jadi cantikkan balik.

AAA: Selalunya bila.

IAH: _ _ _.

AAA: Kira kompang tu bila kita panggil lama lah dimainkan, dia akan koyak?

IAH: Sebenarnya kulit tu tak tahan. Kalau cucuk pun dia koyak kan. Benda tu. Kalau kita jemur sangat pun dia kendur. Jadi tak sedap _ _ _. Paling kuat pun setahun lah. Ha dia memang tak lama. Kadang-kadang budak cucuk dengan pisau lah apa lah.

AAA: (Terkejut)

IAH: Kadang-kadang masukkan sedak tu berlulang, tak pandai masuk, dua hari beli dah rosak. Itu lah kelemahan diorang. Tapi kita tak lah bagitahu dia bila masa nak masukkan rotan, nak pakai lama kan. Kita akan bagitau juga lah jangan kita fikir untung je. Memang lah kita diam je kot dia masukkan rotan dah koyak. Tapi cara masuk dia tak tahu kan. Jadi kita bagitau sama-sama lah.

MAS: Okay encik secara asasnya sebuah kompong yang telah siap, berapakan tempoh masa kulit kompong tu bertahan ? Secara asasnya.

IAH: Dia tengok pada pembuat.

MAS: Pembuat. (Mengangguk kepala)

IAH: Contoh pembuat tu kata. _ okay awak tempah saya nak yang gred *double A* [ganda A]. Double A [Ganda a] saya cakap tapi saya akan beritahu awak, ambil masa tiga minggu baru siap. Kalau nak yang biasa, esok dah boleh ambil.

AAA: Satu [1] hari je?

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Kompong tadi tu kan. Awak nak yang biasa. Takpelah saya _ _ _ yang biasa satu hari boleh siap. Ini hari saya buat esok awak dah boleh ambil. Tapi kalau awak rasa nak yang baik, yang tahan apa semua nak kualiti baik, boleh. Saya beri masa tiga [3] minggu. Harga pun berbeza. Yang biasa tadi harga lain lah maksudnya. Tengok atas permintaan. Kadang-kadang orang ni manusia dia nak cepat nak segera. Jadi kita tahu segera kelemahan segera macam mana. Memang boleh siap esok tapi seminggu dah koyak. Tanya kualiti, kualiti yang macam mana dia nak. Terpulang pada dia. Kadang-kadang orang kita bagitau dia, dia degil dia kata nak _ _ _ kita buat. Sampai seminggu dah koyak dia marah kita. Itu lah kelemahan dia.

AAA: Kalau nak berkualiti lamalah.

IAH: Makan masa sedikitlah kan. Biasalah apa-apa pun nak yang baik, makan masa.

MAS: Makan masa.

IAH: Iya makan masa.

MAS: Okay cik, perbezaan antara kompong berkualiti yang mengambil masa contoh tiga minggu dan mengambil masa sehari. Adakah perbezaan dari segi kulit kambing, tebal atau nipis ataupun kayu sekelilingnya.

IAH: Dari segi, dari segi kualiti pula, pada kayulah.

MAS: Kayu. (Mengangguk kepala)

IAH: Ibarat kalau kayu ini hari tak kering, makna air tu masih ada. Kalau air ada, dua [2] tiga [3] hari air tu akan keringkan, jadi kompong tu akan kendur. Kulit tu akan lembab ke atas dan kulit akan koyak. Kulit tu juga kita nak jemur dia sampai dua [2] hari, seminggu, biar dia betul-betul kering. Baru cantik kalau tak seminggu je dah berkapok kan. Dah berkapok tu makna dah nak koyak lah tu. Dua tu yang kita nak jaga lah sebab apa saya cakap kalau nak lama kena sabar sikit. Apa-apa pun sama. Kalau benda tu air banyak. Air banyak, dia akan berkapok kan. Berkapok makna tak lama. __ kayu pula berat, air pun banyak dalam tu ___ pakai dua tiga minggu dia dah kering, dia akan koyak. Bunyi dah lari lah.

AAA: Jadi macam yang saya pernah lihatlah kira macam, kelab-kelab kompong ni lepas dia berlatih, sebelum simpan kompong diorang akan jemur dahulu mana-mana tengah panas tu. Kenape?

IAH: Dia sebenarnya kulit kambing ni dia macam getah, kalau dia panas dia akan tegang, kalau dia waktu pagi atau malam dia akan kendur. Kita akan masukkan rotan waktu pagi ataupun malam. Nak main malam baru kita masukkan rotan. Tapi kalau kita jemur, boleh, tapi tak lama lah pakai, dia akan tegang, bunyi akan nyaring. Tapi bila malam dia bertambah kendur. Dia kendur je. Itu kelemahan pula kalau kita nak jemur selalu. Dia macam getah, bila kita jemur dia tegang, dia kecut dia kendur dia berkedut lah apa lah. Patutnya dia perlu jemur. Biar letak dalam, gantung elok-elok yang agak sederhana panas. Jadi bunyi dia sama je.

AAA: Kalau kita lihat mana-mana je, habis je main. Mereka akan suruh macam kita jemur dahulu baru kita simpan. __ lepas hari-hari main, hari-hari jemur.

IAH: Tak boleh tu nanti kulit dia makin lama makin kendur.

MAS: (Mengangguk kepala)

AAA: (Mengangguk kepala)

IAH ____ dia kendur tu yang kita kena masuk rotan, dipanggil sedak lah kalau di selatan ni orang panggil sedak. Masukkan rotan atau wayar dalam tu. Tu je bezanya. Jangan jemur sebenarnya.

AAA: Kira salah faham disitulah. Mungkin “dia kata ni kena jemur ni baru bunyi dia sedap”.

IAH: __ contoh lah hari, lepas jemur. Kita pakai rotan, rotan kan. Dia akan tegang, esok rotan tu dah tak boleh pakai. Dia memang kendur.cuba la buat. Sepatutnya ada dua [2] cara, kalau kita beli satu kita masuk rotan, baru kita jemur. Diorang jemur dulu baru masuk rotan. Sebenarnya kita kena jemur sekejap, baru masuk rotan yang kecil. Tapi ada orang dia masuk dia masuk rotan dia jemur, esok rotan dah tak boleh pakai. Sebab apa dia dah kembang kan. __ __ __ macam getah kulit dia. __ __ dia jemur, pastu dia masukkan rotan. Itu yang saya tak suka. Biasa nak main kompang, masuk rotan baru jemur sekejap ataupun tunggu dulu kita jemur, dia dah tegang baru masuk rotan, jadi rotan tu esok kita boleh pakai.

MAS & AAA: (Serentak terkejut)

AAA: Saya rasa dia bergantung pada tenaga pengajar lah sebab macam contoh kalau sayanya pelajarnya, saya pun memang tak tahu, so [Jadi] kiranya saya disuruh jemur, saya jemur.

IAH _____ lepas latihan jemur kan. Cuba besok rotan tu dah tak boleh pakai lagi dia masih kembang. Biasa kita jemur dulu dia dah tegang, baru kita masuk rotan yang halus. Lagi sedap bunyi dia. Makna esok rotan tu kita boleh pakai lagi. Ini dia pergi jemur dulu, baru _____ maksudnya dia masuk rotan dia jemur. Jadi benda tu dah tegang, tetiba masuk rotan lagi, jadi rotan tu dah tak boleh pakai, kalau tegangkan dia tak boleh pakai.

MAS: Okay-okay.

AAA: Kalau berbalik kepada soalan-soalan kita tadi tu, saya rasakan perlu adanya inisiatif untuk mengadakan bengkel ke ataupun kita panggil ni lah untuk berkongsi berkenaan kompang lah, kalau kita dapat - - kita cari dekat google, ataupun kita dengar-dengar, kebanyakannya yang saya tahu, kena selalu jemur kompangnya, ataupun pembuatan kompang saya ingatkan boleh digunakan kulit lembu semua tu. Banyak yang kita panggil salah faham maklumat disitu.

IAH: Iya betul, banyak salah faham. Saya pun pelik kata kulit lembu lah apa. Sebenarnya takde. Memang kita dah buat kita tahulah. Bukan kita main je kan. Kita buat ke main ke kita tahu. Takpe kadang-kadang kita di daerah segamat ada bengkel kompang. Cara pembuatan, cara permainan, adalah lain yang mengajar buat bengkel lah.

AAA: Kita bergerak kepada soalan seterusnya lah Syafiq.

MAS: Okay (diam seketika). Okay encik kita akan bergerak ke soalan yang agak spesifik sikit sekarang. Okay Secara. Secara jujurnya pengalaman encik, berapa lamakah encik dah terlibat dalam seni kompang daripada mula penglibatan sehingga sekarang?

IAH : Saya daripada 1990 lah senang sampai sekarang 2021, makna lebih kurang tiga puluh satu [31] tahunlah. Lebih kurang macam tu.

MAS : Tiga puluh satu [31] tahun. Lebih kurang tiga puluh satu [31] tahun. Satu jangka masa yang agak lama.

IAH : Betul

AAA: Kiranya umur pada umur berapa kira pak cik baru mula terlibat dengan kompiang ni?

IAH : 1990 tu umur saya ambil SPM dalam sembilan belas [19] atau dua puluh [20] lah anggaran macam tu. Pada dua puluh [20] tahun baru saya dah gerak betul umur dah dua puluh [20] lah.

AAA : Dua puluh [20] tahun tu kira.

IAH : Dua puluh [20] tahun tu saya dah mula dah sampai sekarang

MAS : Boleh tak encik ceritakan macam mana pengalaman ataupun cara encik mula-mula terlibat dengan kompiang. Tengok jiran main ke, ada saudara-mara ke?

IAH: Dia sebenarnya asalnya daripada arwah ayah saya. Ayah saya sebenarnya dulu dia kontraktor untuk bahagian tebang-tebang pokoklah di felda-felda di negeri Johor dengan Pahang. Apabila kahwin dengan mak saya, jadi atuk saya suruh dia balik dekat kampung Serkam tu. Dia kata tak payah balik segamat la. Ni atuk belah makla maksudnya. Dia suruh balik, dia bagi rumah dekat kampung serkam tu. Suruh ayah saya duduk sana (terbatuk). Jadi ayah saya ikut. Tiba di Melaka, ayah saya bahagian nebang. Nebang tu dia ada gunakan *chainsaw* [Gergaji rantai] kan, *jigsaw* [Gergaji rantai] tu, jadi banyak, di Melaka pula masatu di kampung-kampung, dia masih guna kayu-kayu api untuk hidup untuk ni masak apa semua kan. Jadi ayah saya pula campur- campur masyarakat kat sana. Jadi ada satu pengusaha. pengusaha parang kat situ, Haji Kassim nama dia. Dia ajak ayah saya join, dia selama ni buat parang buat sarung parang gunakan parang atau kapak. Jadi lambatlah nak potong kayu apa semuakan. Dia tengok ayah saya potong pakai *chainsaw* [Gergaji rantai], maknanya dah moden lah. Jadi ayah saya pun setuju. Jadi apabila setuju tu, ayah saya terpikir nak buat kompang, tu tahun lapan puluh lapan [88] ke sembilan puluh [90], belum tahun sembilan puluh [90] lagi, lapan puluh lima [85] la masatu. Jadi ayah saya bincang kita buat kompang. Jadi ayah saya belajar di Batu lapan belas [18] Ayer Hitam, Cikgu Tukiman guru dia. Memang kat sana pun dia dah buat kompang kan masatu memang dah ada, Jadi ayah saya ni ajak Haji Kassim tu pergi sama-sama naik motor kan belajar buat kompang. Jadi alhamdulillah apabila 1990..83, ayah saya kena balik Segamat sebab nak norehkan, kena dapat FELCRA pula rezeki dia dekat segamat, jadi balik Segamat. Apabila balik Segamat, saya ada abang seorang, encik Zakaria nama dia, apabila saya tanya, dia kata, tidak mengapa, kita buat dekat Segamat. Jadi saya pun memang dekat Segamat lah, dah sekolah sini, jadi alhamdulillah abang saya pun balik ayah saya cakap kita buat kompang sama-sama. Kat situ lah saya bermula betul-betul buat, buat kompang nak carikan pendapatan. Jadi macam-macam pengalaman kan nak mulakan hidup, ada yang kata tak bolehlah, ada yang *report* [aduan] lah, ada macam-macam. Jadi dugaan tu kita tempuhlah. Mula-mula kita hanya buat tiga [3] biji je satu [1] hari, alhamdulillah oleh kerana permintaan makin banyak, makin banyak, sampai lapan belas [18] biji, dua puluh [20] biji, sekarang sampai tujuh puluh [70] biji. Maknanya ada permintaan jadi saya berterusan sampailah sekarang.

MAS: Berkenaan dengan kayu kompang encik, macam mana encik memperoleh daripada Segamat, daripada mana encik memperoleh stok untuk kayu?

IAH: Okay kayu ni, memang jenis bahan mentah, yang penting kayu dengan kulit kambing. Saya tengok sebab orang tutup tak dapat kayu dengan kulit kambing, dua je bahan mentah yang penting. Kayu ni, oleh kerana negeri Johor dengan Pahang masih banyak hutan lagi, hutan-hutan tepi sungai yang pokok dia tak tebang lah. Jadi saya gunakan kayu reban. Bagi negeri Pahang memang balak. Balak tak ambil reban. Dia akan tinggalkan pokok reban tu dalam hutan, jadi saya pun gunakan orang-orang asli dapatkan kayu tu. Alhamdulillah sampai sekarang memang pendapatan dorang kan, saya suruh beli je terus. Kayu reban ni memang banyak lagi di Segamat dengan di negeri Pahang. Memang tak habis, memang balak tak guna pasal dia pendek-pendek. Saya buat kompang.

MAS : So [jadi] asasnya pokok kayu reban digunakan untuk perbuatan kompang encik di Segamat.

IAH : Itu yang terbaiklah kayu tu.

MAS : Yang terbaik

IAH: Ya

AAA: Kiranya seorang, contohnya pak cik seorang je, berapa banyak kompang yang pak cik boleh hasilkan dalam masa sehari kalau bersendirian?

IAH: Kita nak melarik. Okay yang pertama kita nak pergi menebang, menebang pokok. Kemudian kita nak melarik. Kita nak menanggik, nak menjemur, baru kita memaku. Maknanya dalam masa dua hari tu baru sebiji atau dua biji, kalau pantas dua biji. Itu je sebenarnya. Kita nak melarik pun bukan senang nak jadikan dia punya bingkai, dia punya, saya panggil baluh, kalau Bahasa kompong panggil baluh, kayu yang kita pegang tu. Yang situ pun nak melarik makan masa sampai dua [2] jam, tiga [3] jam, lepastu kita nak jemur bagi kering sedikit, barulah kita menanggik, pasang kulit tu saya panggil menanggik. Pasang kulit baru kita jemur lapan [8] jam, baru dia kering. Jadi esoknya baru siap. Maknanya kalau satu [1] orang kalau tak betul-betul hanya dua [2] biji, tiga [3] biji je.

AAA: Makan masa juga lah.

IAH: Memang makan masa. Betul. Kecuali baluh tu dah banyak, dah ada orang kerja dia buat tu je kan. Setiap hari dia buat dua puluh- dua puluh [20-20]. Maknanya kita dah boleh menanggik lapan belas [18], dua tiga [2-3] orang boleh pasang kulitlah. Yang tu boleh banyak.

AAA: Jadi mengikut cerita pakcik, pada awalnya kira pada umur sembilan belas dua puluh [19-20] tu pak cik terlibat dengan perbuatan kompong dahulu?

IAH: Memang pembuatan kompong. Pasal ayah saya kata tak mengapa belajar kat sini, dia pun dah ada ilmu sedikitkan. Jadi buat dekat Segamat. (Diam seketika). Tu tahun 86-87, masa kecil-kecilan masatu. Tak berani nak menonjol, sebab apa, benda ni boleh laku atau tidak. Kita jadi tanda tanya. 'laku tak kompong ni, siapa nak beli, siapa nak main'. Tu yang kita jadi tanda tanyakan. Jadi meniaga ni maklumlah memang jatuh bangun tapi kita nak mula tu takutlah kan. Siapalah yang nak main kompong, siapalah nak boleh beli kompong, berapa harga dia. Kita tak tahu kan.

AAA: Dia ada risiko dalam perniagaan lah. Biasalah tu.

IAH: Memang biasalah. Yang kena tipu, yang kena biasa itu sama je lumrah hidup manusiakan. Kita nak belajar buat kompong ni, sesuai tidak orang ni pegang, kena tak kena, pengalaman kita dengan pengalaman orang yang main tak samakan. Karang kita buat ni dia kata dia tak nak. Dia nak pattern ni, macam-macam.

AAA: Jadi kiranya ayah pak cik mula-mula melibatkan dalam perusahaan kompong, jadi dia pernah melibatkan diri dalam, kita panggil persembahan kompong tak atau ada kumpulan yang dia tubuhkan?

IAH: Dia hanya buat je. Cuma saya, bila balik dekat Segamat, saya ada pertubuhan belia masatu. Pertubuhan belia tu yang saya gerakkan. Saya panggil satu orang guru, guru kompong tu mengajar di saya punya bengkel. Cara saya nak jual kompong saya tu, mengajak setiap kampung, saya tukar-tukar selama tiga [3] bulan datang dekat bengkel saya dua puluh [20] orang, lepastu dah boleh main, keluar. Balik ambil kampung lain. Saya nak laku kan kompong saya mula-mula. Jadi cikgu tu saya bayar tiap-tiap bulan, berapa masatu tak mahal lah, baru lima enam [5-6] ratus sebulan dia cakap. Kita bagi dia dua [2] bulan untuk kampung lain. Kampung-kampung lah, kita panggil. Dah boleh main dia keluar, dia main orang kahwinkan. Jadi itulah kita nak laku kan kompong kita ni macam mana kan. Pergi Ekspo pegi. Jadi yang pertama buat dalam kampung dulu. Panggil cikgu mengajar budak-budak, okay beli kompong kita dengan harga. Jumpa YB [Yang Berhormat] ke, YB boleh sponsor. Itu cara kita nak lakukan kompong masatu.

MAS: Okay encik. Daripada penglibatan encik daripada dulu sampai sekarang, Ada tak pencapaian yang melibatkan diri dalam seni kompong? Maksud saya pencapaian, periktirafan daripada mula-mula encik sertai kompong hinggalah ke hari ini. Periktirafan dan pencapaian encik.

IAH: Pada 2011, saya memang dapat anugerah, Anugerah Belia Negara Peringkat Negeri Johor, Bahagian Inovasi dan Kreativiti. Itu 2011. Kalau 2006, saya dapat anugerah, saya dapat naib johan, Peringkat Kebangsaan di Maha yang Pertama. Saya menggunakan barangan-barangan terpakai menjadikan pendapatan. Itulah pencapaian saya. Itu alhamdulillah orang penduduk kampung ni, iyalah saya nak membantu dorang kan, jadi dorang lantik saya dengan jawatan-jawatan yang ada kat kampung. Diberi kepercayaan kat saya untuk menguruskan kampung apa semua. Tapi anugerah saya ni tadi memang Anugerah Belia Negara lah Peringkat Negeri Johor. Saya dapat anugerah Kreativiti dan Inovasilah. Saya buat kompanya kan. Jadi saya dapat johan la masatu.

MAS: So [jadi], setakat ni pencapaian tertinggi encik dalam jadi tokoh belia pada masa itulah?

AIH: Iya. Alhamdulillah lah masatu pula diiktirafkan. Jadi saya pun tak sangka kan. Kita hanya suka-suka je benda ni. Itu oleh kerana, pengusaha-pengusaha dah takde dalam kawasan bagi Daerah Segamat. Jadi jabatan-jabatan lain akan beri ruangan pada kita. Apa yang kita nak, apa yang kita perlu. Jadi kita rasa macam dihargailah apa yang dia buat, apa yang kita buat tu, kadang peruntukan daripada veterina, daripada pertanian, daripada KEMAS, daripada RISDA. Maknanya dia offer kita sendiri, apa awak nak cakap, apa awak nak cakap. Kat situ lah kita nampak bahawa ada peruntukan-peruntukan yang diperlukan yang selama ni tak tahu nak bagi pada siapa. Sampai sekarang pun tercari-carikan. Banyak peruntukan pada belia pada apa.

MAS: Okay tadi encik ada nyatakan pencapaian encik melalui tokoh belia tu dan encik mendapat sokongan daripada kementerian dan juga organisasi sekitar. Apakah pencapaian, apakah yang encik telah lakukan dengan sumbangan tersebut kepada masyarakat?

IAH: Sebenarnya kita ni nak satukan anak muda dalam kampung memang payahlah. Kalau awak panggil ajak dia berbual, dia takkan datang punya. Dia takkan datang. Cuma itu saya cakap tadi, asalnya tadi saya panggil dua puluh [20] orang, masatu saya jadi AJK [Ahli Jawatankuasa] belia Seri Bumbun lah.

MAS: Seri Bumbun.

IAH: Seri Bumbun. Jadi saya AJK. Saya terlibat dalam biro kebudayaan. Oleh kerana saya buat kompong, saya berbincang dengan abang saya dengan ayah saya, saya nak sponsor kompong ni yang pertama je, saya cakap untuk kampung saya. Alhamdulillah budak-budak ni dia rasa seronok kan, asyik nak main kompong lah dia kata, asyik main macam ni. Saya panggil dorang dua puluh [20] orang, campur perempuan lelaki. Lepas tu kita buat latihan. Masatu belia memang tengah naik kan. Mana satu Malaysia tengah cari apa-apa ada. Dekat situlah kepimpinan belia daerah akan bagi bantuan, ketua-ketua kampung, penghulu. Dia tengok kita je, oh boleh bagi ni, beri baju, beri apa. Jadi seronok. Tu yang dorang nampak saya. Oh main kompong boleh satukan dua puluh [20] orang. Kalau kita ada pertandingan sepuluh [10], contoh saya pernah buat pertandingan di kawasan saya. Anjuran belia seri bumbun. Satu orang saya panggil enam belas [16] orang satu pasukan. Saya longgokan sepuluh [10] orang. Bermakna saya boleh longgokan anak-anak muda seratus enam puluh [160] orang dengan satu hari je, dengan bermain kompong. Jadi kat situ baru dorang ingat, eh betul main kompong ni boleh longgokan orang. seratus enam puluh [160] orang baru sepuluh [10] pasukan. Kalau daerah Segamat sampai dua puluh [20] pasukan. Bermakna sampai tiga ratus [300] orang. Itulah cara nak menarik dorang lah pada awalnya. Kemudian saya masa latihan-latihan kompong pula, saya bawa dia dekat masjid dengan surau, berlatih. Sebab apa, selepas sembahyang isyak, yang pertama sembahyang dulu. Sembahyang maghrib, sembahyang isyak. Lepas sembahyang pukul sembilan [9] kita main kompong. Jadi pihak masjid tengok, eh budak muda boleh main kompong dekat surau, boleh datang sembahyang dia cakap. Pada asalnya nak mudah je, ringkas kan tapi budak-budak tu datang, datang isyak, sembahyang isyak, lepas sembahyang baru dia main

kompang. Jadi pihak masjid ni tadi keluarkan peruntukan, beri air, beri apa. Itulah pencapaian yang untuk dalam kampung pada awal kan yang dorang nampak pada saya.

AAA: Kiranya dalam kita, kita mencari belia lah untuk terlibat dalam kompang, kita juga dapat memeriahkan masjid lah. Kira ada Jemaah-jemaahnya.

IAH: Iya, betul. Jadi keagamaan tu kita pentingkan. Kita nak masuk, macam mana nak masuk. Kalau setakat kita ajak dia pergi sembahyang, saya rasa budak zaman sekarang payah sedikit lah. Bukan payah apa en. Kepandaian kita ni. Masatu lah saya masa tu baru dua puluh [20] lebih umur tapi saya cuba kan. Lepastu kita terpikir apa pencapaian kampung kita pula. Masa tu saya takde jawatan apa dalam kampung kan. Apa yang saya pikir untuk kampung saya nak majukan. Tengok kampung orang lain pengalaman dia macam-macam dapat, pertanian apa semua kan. Itu yang saya cuba melonjak sedikit pada politik masa tu. Sebab apa, kalau politik memang saya makin maju, perindustrian saya. YB-YB akan datang tempat saya buat kompang. Dia tanya, mahu mesin apa, mahu barang apa kan. Jadi masa tu, kebetulan MB [Menteri Besar] kita Tan Sri Muhyidin, 1990. Dia datang buat lawatan tempat saya. Dia offer saya lima puluh ribu [50000]. Jadi tak berani ambil lah. Dia kata nak apa cakap je, kita bagi peruntukkan lima puluh ribu [50000]. Jadi kita tolak sebab apa kita cakap kita baru buat mula kompang tapi takut duit, jangan-jangan duit orang ramai kan. Kita risau juga nak pakai duit orang ramai tiba-tiba tak jadi, main-main je buat kompang. Saya tolak dulu masa tu dengan keluarga keluarga saya tiga [3] orang. Saya, abang saya, ayah saya bincang tolak dulu. Itulah kita buat sesuatu nak pikir kan. Jadi alhamdulillah pada 2006 dia sebagai Menteri Pertanian kan. 2006 tak silap saya. Dia beri saya anugerah tahu. Dia tubuhkan maha yang pertama di Serdang tak silap saya. Dia beri saya tempat di sana, beri tapak untuk meniaga. Kompang tu dia pernah buat lawatan. Tan Sri Muhyidin lah. Dia jumpa Doktor di Putrajaya, nanti pergi Johor, pergi Segamat, ajak orang yang buat kompang tu dekat Serdang. Kita bagi dia tempat dua [2] minggu. Makan semua, duit semua dia bagi, dia tanggung. Dekat situ memang, masa tu memang ramaikan. Maha, maha yang pertama tu. Situlah saya mula nampak kepimpinan

yang boleh membantu sebenarnya. Alhamdulillah lah sampai sekarang pun, mana ada kepimpinan yang boleh berjaya kita akan support juga lah pihak atasan.

AAA: Jadinya mengikut pada cerita pak cik, pak cik dah pernah menguruskan kumpulan kompang lah. Jadi, pada awalnya pada pengusahaan kompang. Jadinya pada tahun berapa pak cik mula tubuhkan kumpulan kompang tu, yang pertama.

IAH. Yang pertama 2016.

AAA:2016

IAH: 2016. Eh bukan. dua ribu (berfikir sejenak). Yang pertama, belia seri bumbun tu. 2003. Dua kosong kosong tiga. Tubuhnya persatuan belia tu, barulah saya nak aktifkan apa-apa biro kan. Saya pula kan biro kebudayaan. Itulah 2003 tu saya terus adakan kompang. Pungut kompang-kompang lama kadang saya tukarkan kulit. Jadi dorang pun yang ajk-ajk belia, orang lama cakap, baguslah kompang kita main. Kebetulan pula masa dulu-dulu kita mewah. Saya rasa mewah sebabnya dalam kampung ada ASB [Amanah Simpanan Berhad] kan. Dia punya dividen dia hujung tahun. Asal hujung tahun je, dorang akan jumpa saya. Dia kata encik Mail, “hah kenape? Ini duit seribu dua ribu, belikan baju, repairkan kompang”. Jadi dorang dah nampak pada kita. saya teruskan je usaha main kompang apa semua lah. Pergi peringkat daerah, masuk pertandingan. Nak menonjolkan kita anak-anak muda, kita boleh bersama kan naik ke atas. Tu yang saya terus je sampai sekarang.

AAA: Tu lah penubuhan pertama. Jadi kira pak cik menubuhkan, jadi pengajar pada kira masa pelajar tu adakah pak cik atau pun pak cik ambik pengajar yang lain?

IAH: Tak, masa tu saya kosong. Memang saya hanya pembuat. Memang pembuat kompong. Tapi tenaga pengajar tu ada AJK-AJK lama. Dia cakap dia boleh mengajar sambil tu saya panggil lah pengajar daripada luar kan. Mengajar dua bulan di kawasan saya lah. Jadi saya pindah, saya dah boleh saya panggil pula kampung lain. Saya cakap main je dekat balai raya saya. Saya takpa saya cakap. Kita sama-sama kan. (terbatuk)

AAA: Jadi pak cik kira AJK penubuhan lah dalam menguruskan kumpulan tu. So, ambil lah tenaga pengajarnya, cari apa mungkin dana-dana ke apa semua, penyediaan tempat.

IAH: Betul-betul. Jadi setahun, kalau kita dah berjaya tahun ke dua tu. Saya dah berjaya bawa budak main rumah orang kahwin kan. Jadi dah ada pendapatan. Jadi kita tak perlu sumbangan daripada orang kampung lagi. Jadi duit tu setahun kita bawa dia berjalan, pergi Kelantan, pergi Langkawi. Memang seronok lah. Dorang pun seronok. Baju-baju kita dapat, kompong baru dapat. Memang baru budak-budak kampung lain tengok, eh kampung kau baguslah macam ni. Suruh lah kampung ketua kau buat macam ni. Jadi orang ikut. Itu yang boleh nampaklah kejayaan sedikit.

AAA: Nampak pencapaian lah kumpulan tu.

IAH: Nampak pencapaian, betul.

AAA: Jadi kita panggil, sebab masatu di kira kumpulannya di Segamat la kan.

IAH: Dekat kampung saya ni, Kampung Tonjol, Simpang Segamat.

AAA: Hah Segamat. Jadi paling kita panggil negeri paling jauh pernah di pak cik bawa kumpulan pak cik di negeri mana?

IAH: Saya pernah main di Pahang sebenarnya, di Kuantan. Johor Bahru tu biasalah. Di Melaka. Negeri Sembilan tu memang kita dapat panggilan. Dekat Melaka kita bawa, dekat Kuantan, di Rompin, Pahang. Di Selangor pun kita dapat. Di Selangor tu macam keluarga dia dekat sini. Lepas tu ada anak saudara dua tiga orang main kompang. Jadi dia minta kita main sana. Takpe dia sediakan pengangkutan apa dahlah, bukan kita nak apa pun kan. Itu yang Selangor pun kita pernah pergi macam Kajang kan.

MAS: So [Jadi], dekat sini kumpulan kompang yang diketuai oleh encik Ismail sangat dikenali ramai lah sehingga mendapat jemputan daripada banyak negeri.

IAH: Hah. Maksudnya memang dua ribu dua tiga hingga dua ribu sepuluh tu macam tengah popular lah senang cerita.

AAA: Oh.

IAH: Jadi pasukan lain pun ikut-ikut-ikut, dia ada guru dia lagi berpengalaman, jadi dia pun keluar. Jadi macam tu lah. Kita pun rasa macam, eh seronoklah benda kesenian ni kadang-kadang.

AAA: Kira panggilan untuk persembahan lah kan.

IAH: Iya, betul.

AAA: Jadi untuk pertandingan kira pencapaian tertinggi yang pak cik punya kumpulan pernah kita panggil dapatlah?

IAH: Dia, kita memang pernah Johan peringkat Daerah Segamat tapi wakil DUN [Dewan Undangan Negeri] tu kita kalah lah. tiga [3] tahun masa tu kita pegang. Peringkat Daerah Segamat kita pegang tiga [3] tahun tapi peringkat DUN kita tak pernah menang lah tapi dapatlah wakil Daerah Segamat. Meriah lah kalau sampai lima puluh dua [52] pasukan. Memang seronok tengok DUN-DUN dalam Johor ni bergabung. Macam-macam ragam. Jadi kita dapat pengalaman yang masa pergi tu, pengalaman tu yang kita nak. Balik bawa dekat kampung, seronok dia kata pergi Johor main kompang, dia pukul macam ni, dia pukul kita buatlah. Belajar kan. Kita ni ada kelemahan juga kadang-kadang kan. Walaupun cetek kan, kita dah pikir baik tapi pergi sana, pengalaman kita ambil yang dorang belajar tu. Lima puluh dua [52] pasukan setiap tahun masa tu pergi. Dekat, dekat Johor Bahru lah bawah Kebudayaan Negeri Johor, Unit Kebudayaan kan.

AAA: Kira apa ni walaupun kita panggil tak berjaya tapi kira banyak yang kita dapat daripada pertandingan tu juga kan.

IAH: Alhamdulillah lah. Pengalaman kan.

AAA: Kira hebat juga lah kalau dapat kita panggil Johan kira Daerah Segamat (ketawa kecil)

IAH: Maknanya dah ada nama lah senang cerita kan.

AAA: Dah ada. Yang penting dah ada nama di Segamat. Mungkin insyaallah lah kalau tapi sebab sekarang kan mungkin kalau ada pertandingannya. Mungkin boleh.

IAH: Kita boleh masuk balik. Bertanding semula kan. Jadi pengalaman yang sana kita campur campur campur, kita boleh peringkat kebangsaan ke kan. Memang seronok lah sebenarnya kesenian ni, kalau betul-betul ada dekat kita punya sanubari kita tu. Boleh pergi jauh lah pada masing-masing kan.

MAS: Okay encik. Sebagai seorang yang menguruskan kumpulan kompang dan juga merupakan seorang pengusaha kompang, apakah cabaran-cabaran encik dalam menangani hal-hal seperti ini? Apakah cabaran-cabaran yang encik pernah lalui untuk menangani dua masalah ini?

IAH: Memang kalau nak naik ni, meniaga kan, memang payah lah. Banyak pengalaman pahit, pernah ditipu, hantar barang, bagi cek, cek tak laku pula. Pergi dekat bank, pergi rumah dia, dia pun dah hilang dengan barang-barang pun dah hilang. Tu satu. Kadang-kadang iyalah segi meniaga memang orang tak bayar, orang tipu lah senang cerita. Dari segi, nak buat dulu pun orang kampung complain, apa bau busuk-busuk dekat kampung. Kulit kambing kan busuk kan. Itu pengalaman kita, nak alami tu, nak tempuh betul-betul. Yang apa orang kata gas pemadam api pun takde. Apalah buat bengkel, pemadam api takde. Complain pada bomba, pada bomba bomba. Lepas tu orang kampung kata ni busuk lah apa lah, sedangkan kita terpaksa hadapi. Apa kita kena ubah. Bau ni macam mana kita nak ubah. Supaya orang suka balik dekat kita kan. Itulah kita memang pengalaman tu macam-macam, pengalaman pahit. Saya pernah nak dapatkan duit untuk pendapatan beli mesin, saya pernah ambil upah panjat duku. Buah duku kan, saya panjat dengan abang saya. Hasil tu saya jual, bukan saya makan, saya beli mesin, beli rantai. Itulah masalah nak naik tu. Dan juga saya pernah lah orang kata, bank memang tak percaya kita sebab apa kita takde duit, akaun pun tak aktif, kita pernah cagarkan kereta dekat ah long sebenarnya. Untuk naikkan tu. Kemudian, kereta tu pergi dekat ah long kena cagarkan, dapat sepuluh ribu, tapi alhamdulillah kita jenis dapat duit cepat bayar kan. Jadi baru boleh naik.

MAS: So [jadi]. banyak lah cabaran encik dalam menguruskan kompany dan mengusahakan kompany.

IAH: Iya iya. Memang itulah, penuh cabaran lah orang kata.

AAA: Kira biasalah masa kita apa, masa mula-mula nak naik, mula-mula nak mulakan apa, bisnes tu, perniagaan tu, ada je lah orang yang tak suka. Mungkin mengganggu.

IAH: Ya betul. Maknanya kita kene tempuhlah. Kalau kita dah berjaya pun kita anggap itu pengalaman kita je. Jangan kita balas dendam, apa kan. Tu je.

AAA: Tapi kiranya sekarang kita punya masalah seperti tu masih lagi ada ke ataupun saya rasa masyarakat dah terima, sebab dah kira dah kenal lah pak cik.

IAH: Satu lagi kita dah membantu dia punya keluarga. Itulah kelebihan kita pula. Kita dah panggil anak-anak muda yang mana, contohlah memang keluar daripada penjara apa, kita panggil dia bekerja dekat kita. Jadi alhamdulillah, jadi keluarga dorang kata, ada yang nangis-nangis cakap dengan kita, terima kasih lah bantu keluarga dia. Itu tugas kita sebenarnya sebagai pengusaha nak bantu dia bekerja apa semua. Dia dah buat tu terpulang lah pada dia, kalau dia tak ikut kan. Jadi dorang lama-lama percaya dekat kita, hantar anak dia bekerja dekat kita. Kita terima, kita takde masalah. Sesiapa pun, baik kau bawah penjara ke, bawah bawah siapa pun. Habis je kau duduk dekat kampung ni, kerja lah dekat tempat aku. Tu je. Tapi waktu kerja aku jaga, lepas waktu kerja, terpulang pada kau kan. Pandai-pandailah jaga diri.

AAA: Itulah pak cik.

IAH: Itu yang orang kampung, dah nak cakap macam mana lagi, kita dah usaha kan.

AAA: Bila pak cik dah sediakan peluang pekerjaan lah, sebab mungkin kita panggil nak bekerja ni tak dapat, so kita ada, kita ada sampingan ni untuk (gangguan internet).

IAH: Itu betul. Saya pekerja-pekerja saya yang mana saya percaya, saya bagi lesen motor, lesen kereta, ambiklah.

AAA: Pekerja-pekerjanya semangat bekerja dengan pak cik.

IAH: Saya nak supaya dorang faham. Kita takde lah seorang je nak, makan seorang kan. Makna pekerja-pekerja saya sampai sekarang ada yang dapat rumah, dapat tanah kita bagi. Kita ambiklah lesen motor. Cukup umur lesen kereta. Jadi ibarat kita pergi syarikat ni, syarikat bersama lah. Memang kita syarikat keuntungan pun ambil lebih sikit tapi anggap keuntungan, keuntungan bersama lah. Okay. Macam itulah siapa dua orang ada yang tak lari, dah berhenti pun minta balik. Takpa saya takde masalah, janji kamu boleh bekerja. Bagi saya macam tu senang sebenarnya.

MAS: Oh, encik lebih menguntungkan juga pendapatan tapi encik juga jaga kebajikan pekerja-pekerja encik.

IAH: Itu diutamakan sebenarnya.

MAS: Itu diutamakan kan.

IAH: Kita memang dah ada untung kan. Kalau dia ada bertambahlah untung kita. Selama ni kita memang ada untung, kita buat sendiri, kita dah ada untung. Memang confirm ada untung. Tapi dia datang, produk kita bertambah. Keuntungan tu bertambahlah pada kita. Jadi kalau nak bersama juga, saya bagi dia jaga kebajikan dia dan lebih-lebih kita sumbangkan kepada orang-orang kampung macam asnaf-asnaf, fakir miskin dengan keuntungan tu. Maknanya dia pun dapat, saya pun dapat. Jadi saya beritahu dia terang-terang macam tu senang.

MAS: Okay berbalik kepada cabaran yang encik lalui, menjaga kebajikan pekerja juga satu cabaran untuk encik meneruskan perusahaan dalam kampung.

IAH: Iya, lagi satu macam hasutan kawan-kawan. Kadang-kadang kita dah dapat lesen motor, lesen kereta kan. Tapi kita masukkan dia EPF tahu. EPF, SOCSO macam biasa. Tapi kawan-kawan di luaran tu kita tak nampak. Apa lah kau buat kompang, memang dapat duit, busuk lah apa lah kan. Jadi berhenti. Kita nak marah macam mana, hak masing-masing. Kadang tengah kerja, dah dapat dah lesen kereta, lesen motor. Kita memang ada satu syarikat tu kita akan panggil dia. Yang ni ambikkan lesen motor, dia uruskan. Jadi bila kawan-kawan kata, itulah buat kompang tahu je lah main dengan habuk, kotor kan. Jadi ni cabaran kita. Jadi dia berhenti. Okay berhenti, saya terima je lah. Memang cabaran tu biasalah mana-mana syarikat apa kilang-kilang apa kan Normal, tempuh macam tu je.

MAS: Okay tadi encik ada nyatakan cabaran berkenaan dengan alat pemadam api.

IAH: Iya. (Mengangguk kepala)

MAS: Okay.

IAH: Itu memang wajib lah pada syarikat-syarikat yang ada pendaftaran kan. Bermakna pemadam api tu takut kebakaran. Tapi kita pun __ kompong baru nak naik, memang lah kita punya modal memang cakap tengah kurang kan. Pastu orang kampung ni dia tak boleh cakap macam tu. Dia tengok lah berapa lama, kita baru lagi dah *complain* [mengadu]. Benda tu bukan murah. Jadi terpaksa juga jumpa bomba kan, yang mengeluarkan tu bomba. Terpaksalah kita beli. Tapi kita daripada kita nak modalkan beli barang mentah, dah lari sedikit untuk benda macam tu, bagi saya ala setakat, kita boleh jaga kan, jaga sama-sama. Tapi dia *report* [melaporkan] juga. Nak *report* [melaporkan] kita ikut lah. Ikut lah peraturan, kita pun mendaftarkan, nak cakap macam mana.

AAA: Kalau kita panggil mengikut peraturan perniagaan lah, memang kita ada lah dia punya kita panggil keselamatan dia. Cuma tu lah pandangan masyarakat, sebab kita pun paham baru kan. Baru nak ni, jadi banyak kekangan pada modal lah.

IAH: Betul-betul.

AAA: Kita panggil cabaran yang pertama adalah modal.

IAH: Hah. Benda tu baik yang dia, yang dia buat tu memang baik bagi kita kan, memang baik dia nak bantu cadangan dia tu baik tapi cara dia tu nak, patutnya beritahu saya perlahan-perlahan, bincang baik-baik, kalau dah mantap esok beli lah ni. Kalau dah okay esok baru boleh. Ni tiba-tiba *complain* [mengadu] je, orang datang kita nak cakap macam mana kan. __ undang-undang tu memang ada kan. Kalau undang-undang kita kena juga. Kita cakap terima kasih je lah pada pengadu-pengadu tu.

AAA: Tu lah masalahnya sekarang ni. Sepatutnya kita panggil, lebih baik kita menegur dahulu ataupun beritahu. Tapi kalau tak dengar, hah kira terpulang pada dia lah.

IAH: _ undang-undang kan. Kita anggap benda tu baik _ tapi undang-undang kita silap. Tapi awal sangat. Kita, kita pun baru naik masa tu. Takpe lah kita ada rezeki kita beli juga.

MAS: Benda tu mungkin lambat sikit sebab encik perlukan modal tapi, tapi alhamdulillah pada akhirnya encik Berjaya juga untuk membekalkan alat pemadam api kepada bengkel dan syarikat encik.

IAH: Hah memang kita memang pikir benda tu baik kan, kita kena ikut. Tapi masa yang dia buat tak sesuai lah. Kita benda tu dalam dua tiga ratus [2-300]. Dua tiga ratus [2-300] _ _ kulit kambing dalam tiga puluh [30] keping. Tiga puluh [30] keping boleh jadikan, kalau satu [1] kompong lapan puluh ringgit [80 ringgit], boleh jadi dua ribu empat ratus [2400], pendapatan saya. Jadi kalau benda tu saya beli kemudian, contoh saya beli lewat sedikit kan, boleh kan. Cuma saya memang melanggar undang-undang. Cuma dia tak berbincang dengan saya. Kalau dia nak *complain* [mengadu] tu dia tak perlu *complain* [mengadu] lah bincang dengan saya. Jadi saya pun paham daripada kulit tiga puluh [30] keping, boleh jadi kompong, dua ribu empat ratus [2400] pendapatan saya. Jadi saya pun boleh bayar gaji pekerja dengan separuh _ . Saya perlahan-perlahan saya longgok cari duit berapa ratus esok tiga ratus [300] ke, dapat dapat kunjungan saya tu saya boleh asingkan, baru kita beli. Itu kita kira cabaran lah, macam-macam kan. Kita tak tahu produk, hasil kita berapa. Kalau tiga puluh [30] keping, kita buat tiga puluh [30] kompong, kita boleh dapat dua ribu empat ratus [2400]. Tapi kita ada duit _ _ tiga ratus [300] kita dah beli tu kan. Jadi _ kita ni dah naik, sedap lah. Makna kalau dua ribu empat ratus [2400] tu, kalau saya dapat dua ribu empat ratus [2400] tu saya boleh beli kulit kambing lagi banyak, kayu lagi banyak. Maknanya boleh jadi sampai sepuluh ribu [10000] pendapatan saya. Takkan 300 saya tak boleh beli benda tu. Teguran tu mungkin terus atas, tak melalui saya.

AAA: (Mengangguk kepala)

IAH: Jadi kita pikir pendapatan kita. Dengan hasil kita tadi memang kita nampak tiga ratus [300] tapi boleh jadi tiga [3], sepuluh ribu [10000]. Dengan sepuluh ribu [10000] baru saya boleh beli benda tu dengan tiga ratus [300]. Tu cerita dia. Kalau nak marah-marah __. Oleh kerana undang-undang __.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Memang susah kalau nak meniaga ni __. Cabaran tu biasa lah.

MAS: Okay encik, selain daripada cabaran pandangan masyarakat terhadap penerimaan keselamatan di bengkel-bengkel encik, pernah tak encik menghadapi cabaran dari segi pesaing dalam bidang yang sama?

IAH: Okay tentang persaingan memang takde. *Confirm* [yakin] dalam, okay yang saya tahu pengusaha kompong dalam Malaysia hanya empat [4]. Empat sahaja yang bawah, yang ada SSM ataupun pendaftaran dan takde pekerja, buat sendiri. Jadi bagi saya memang takde persaingan langsung.

MAS: Takde persaingan. (mengangguk kepala)

IAH: Yang saya nampak memang tiada persaingan.

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: Kalau dorang nak buat pun, kalau contoh satu _ dia _ _ _ sampai seribu (1000) biji. Kita boleh buat ke seorang-seorang satu [1] bulan? tak boleh. Dari pengalaman saya lah. Sebab tu kita walaupun kau dapat tinggi lima ratus [500] ke seribu [1000], kau buat. Berapa bulan kau nak buat? Habis orang kampung yang nak main kompang tu macam mana? Siapa nak buat? Jadi dia akan pergi dekat saya juga. Sebab tu kita, bagi saya persaingan memang takde lansung kalau buat kompang. Lain-lain tu saya tak tahu lah peniaga lain memang banyak persaingan. _ _ memang takde.

MAS: Okay selain daripada cabaran encik dalam menangani persaingan tu takde, tapi ada tak cabaran encik dalam menguruskan pekerja-pekerja? Bermaksud saya pekerja-pekerja encik ada pelbagai ragam dalam megusahakan kompang, menyediakan kompang.

IAH: Saya iyalah dah biasa benda seni kan, _ _ _ memang macam-macam ragam. Ada yang sekerat hari kerja pun balik. balik _ , sekerat hari dah berhenti. Takpe kita cari pekerja yang berminat. _ _ benda seni ni nak yang berminat.

MAS: (Mengangguk kepala)

AAA: (Mengangguk kepala)

IAH: Nak cuba, cuba dulu. Tak da masalah. Tapi dia tak berminat dia berhenti. Tu biasalah. Memang ada lah. Takde kita ambil orang lain. Mana yang berminat, hah cuba dulu. Takde, tak boleh, tak apa lah, nak berhenti, berhenti lah. Kebajikan memang kita jaga. Kita masukkan duit EPF. Kita masukkan SOCSO untuk keselamatan dorang. Kita beri kepentingan dia dari lesen motor, lesen kereta untuk ulang-alik kerja kan. Jadi macam biasa, taka da benda pun yang penting kebajikan dorang kita jangan abaikan.

MAS: (Mengangguk kepala).

IAH: Tu je apa saya tak bimbang PKP ni sebab pekerja-pekerja saya semuanya masuk SOCSO. Apabila masuk, kerajaan bagi subsidi upah kan. Jadi dia kena kerja. “Kalau kau tak kerja kau takde duit. Kerajaan bagi aku bukan bagi kau”. Subsidi upah tu kan. Sebab apa saya tak bimbang, orang tanya saya “kenape tok tak pernah tutup”. Saya cakap “macam mana buat apa saya nak tutup, tiap-tiap bulan kerajaan bayar saya dua ribu [2000], eh satu [1] orang seribu dua ratus [1200] kan, kalau enam [6] orang dah berapa. Jadi pendapatan dorang kita akan bayar. Kau kerja aku bayar, kalau kau tak kerja aku tak boleh buat apa. Duit tu masuk pada syarikat, upah kerja kan. Sebab apa, saya ikut kerajaan. Ikut *law* [undang-undang] kerajaan ___. Jadi alhamdulillah lah, pekerja saya memang tak berhenti. Kerja lah, ada kerja takde kerja, kau kena kerja. Maknanya pendapatan kau seribu [1000] tu memang tetap ada lah kalau yang bekerja. Kalau kau tak bekerja salah kau sendiri lah. Bukan saya tak nak bayar. Memang kerajaan bagi saya, syarikat. Tapi kamu tak nak kerja walaupun PKP apalah kan. Tapi kerajaan suruh, tak sekat kita punya pekerjaan. Itulah kelebihan saya lah sebenarnya.

AAA: Jadi nak dibandingkan dulu dan juga sekarang lah kita panggil dengan situasi PKP ni, permintaan komping untuk syarikat pak cik pada masa sekarang bagaimana?

IAH: Dari segi permintaan tu makna dari segi orang ramai berkurangan lah tapi banyak peruntukan sekarang ni. Sama juga lebih kurang je. Kita takde rasa sangat takde kerja lah apa memang takde. Kita yang buat _ takde kerja, tak dapat nak ambil bahan mentah. Contohnya _ saya tak ambil kat sini. Saya terpaksa langgar negeri Pahang. Pahang ada PKP lah. Kalau *Roadblock* [Sekatan jalanraya] ke, kat situ lah yang buat kita lambat, lambat kita punya pergerakan perniagaan. Itu ceritanya, kita takde masalah, kalau bahan mentah boleh keluar tiap-tiap minggu, kita boleh jalan kerja macam biasa. Macam kulit kambing kitab oleh pos. Ada kelebihan kan kita boleh pos. Jadi takde masalah, sentiasa boleh kerja. Kalau kayu tadi dia berat, nak pos pun kos tinggi. Baik saya pergi ambil, habis nak pergi Muadzam ada *roadblock* [sekatan jalanraya], nak pergi Melaka ada *roadblock* [sekatan jalanraya]. _ buat kita lambat produk kita keluar. Permintaan memang takde masalah walaupun ada pengurangan. Sentiasa bekerja lah macam biasa.

AAA: Maknanya ekonomi, tak mengganggu banyak lah pada cuma pada *progress* [perjalanan]. *Progress* [perjalanan] nak adakan penghasilan kompong tu. Kat situ ada masalah sikit lah _ _ _.

IAH: Itu antara kerjaan dengan kita syarikat lah. _ _ . Maknanya kita ikut juga lah apa yang dia nak, kita ikut untuk memudahkan kerja kan. Jadi alhamdulillah lah maknanya kalau kita ikut maknanya senang lah kerja kita dan pekerja pun dapat bekerja.

MAS: *So* [jadi], dekat sini encik punya perusahaan tak mengalami gangguan sangat lah dari segi ekonomi kerana perusahaan sentiasa berjalan. Dekat situ alhamdulillah lah.

AAA: Jadi kita bergerak kepada soalan yang seterusnya.

MAS: Okay.

AAA: Apa pendapat pak cik berkenaan dengan penerimaan seni kompiang ni kepada anak muda masa kini? Kita ada sedikit masalah internet.

MAS: Okay takpe kita tunggu encik Ismail.

AAA: Boleh ke kita sambung semula pak cik?

IAH: Boleh takde masalah. Memang saya waktu ni kalau saya kata boleh tu saya dah susun masa saya lah.

MAS: Okay.

IAH: ___ dengan saya senang je. Kalau saya kata boleh tu, sama-sama lah jalan terus.

AAA: Jadi saya teruskan dengan soalan yang seterusnya. Apa pendapat pak cik berkenaan dengan penerimaan seni kompiang ni kepada anak muda masa kini?

IAH: Memang setakat ni anak muda ni memang payah kita nak tarik dia kan. Dengan kepandaian kita lah semua. Kesenian ni masuk pada dorang ni, kalau dah masuk memang mudah lah. Dia dah rasa seronok. Dia dah rasa __ pada dorang, mudah lah. Bagi saya takde masalah sangat. Kita nak melayan dorang tu, kerenah anak-anak muda. Kadang anak kita sendiri pun anak muda kan. Jadi kita tak boleh nak layan, jadi masalah juga tu. Kalau kita boleh layan, dia boleh ikut, maknanya insyaallah lah kita jangan, kita sekarang ni kita kena ikut dia. Dulu, dia ikut kita. Zaman sekarang dah berbeza. Dulu memang lah. Dulu dia apa kita cakap budak muda ikut, sekarang kita nak ikut dia. Itu kita kena pandailah ambil hati dia. Tu je bagi saya mudah je kalau nak tarik dia seseorang tu walaupun dia jahat macam mana pun, takkan kita nak mengata dia baru kita nak baik dengan dia. Maknanya kita nak rapat dengan dia, menyokong dia baru kita tarik dia. Benda ni halus, seni ni memang halus kan. Kita nak kehalusan seni ni masuk pada jiwa kita, kalau dah masuk takde masalahlah.

**AAA: Jadi untuk kita nak tarik minat anak muda tu, kita rapat dahulu dengan dia.
(Ketawa kecil)**

IAH: Ya betul. __ bagi saya contoh pada orang penagih ke apa kan, tempat saya ada tapi saya akan rapat dengan dia. Kenape dia jadi penagih. Nak tarik dia tu bukan senang. Kita bagi dia bekerja dengan kita, kita bagi ruangan lain, apa yang dia nak. Kalau dia dah ikut kita tu mudah lah. Jangan dia tak mahu ikut. “Tak nak lah, tak nak lah buat kebun,tak nak, tak nak meracun apa, kita upah dia. Kalau yang dia nak, “okay saya nak cari duit, saya nak gin gini gini”. Jadi senang dia dah ikut kita tu, kita dah boleh __. Makna senang lah kita, dia nak ikut kita pun ikut lah dia. Sama-sama. Pandai-pandai jaga. Memang kita, pengalaman saya macam tu lah. Bukan senang nak tarik orang kan. Maklumlah, dengan motor dia ke hulu ke hilir __. Kita kena berkawan dengan dia, turun pandang. Jangan mengata dia. saya kadang-kadang kat kampung saya begitu. Kenape lah masjid-masjid tak ramai, surau tak ramai. Bukan silap anak muda. Tak silap pun. Silapnya pentadbiran tu. Macam mana nak ramai kan anak muda dekat surau, macam mana dekat masjid kan. Jadi, untuk seni pun macam tu. Macam mana nak main kompang. Apa nak seni kan dia jadi. Masukkan sikit-

sikit. Kepandaian kita je, bukan kita sebagai ada jawatan ni, ah kita egokan jawatan. itulah kelemahan kita sebenarnya.

AAA; (Mengangguk kepala) Kena ad akita panggil inisiatif untuk tarik anak mud ani. Tak boleh nak mengharapkan mereka datang.

IAH: Betul. Bagi saya macam tu lah keadaan, keadaan masa sekarang. Tengok masa dulu lain kan. Dulu memang di didik dengan secukupnya, sekarang ni lagilah kita dekat rumah, belajar lagi. Dia buat bodoh dia je. Macam mana kita nak berkawan. Kadang pak imam nampak budak tu main takraw pun, pak imam tak singgah pun, paling muka. Ini kelemahan dia. Sepatutnya pak imam datang main takraw sama-sama. Bagi saya lah, kalau kenape masjid tak ramai. Lepas main takraw nak balik tengok enam empat puluh lima [6,45], cakap dengan dia, petang-petang, biasa kan lepas maghrib karang, “marilah kalau ada masa pergi surau”. Sekali cakap, kalau sepuluh [10] kali, ada seorang dua tu dengar. Tarik seorang-seorang kan. Jangan nampak dia, “apa lah main takraw”, marah. Tak boleh. Cuma beritahu dia, “Karang orang bang [azan] berhenti ya”. Cakap tu je baik-baik. Kepandaian kita lah sebenarnya.

AAA: Saya rasa kalau di.

MAS: _ cara teknik. Teknik kita menarik.

IAH: Teknik kita. Betul. Takde sekarang anak-anak muda dia nak ikut kita, takde punya. Dia asal dah berkait tu. okay alhamdulillah lah. Dia ikut kita je, itu yang kita nak. Ini tak, kita kata dia. Tak tak, orang lain pun, saya pun kalau orang kata saya, mesti saya marah kan. Kalau kita tak usik orang kan, anak muda _ seorang dia pun main motor dia sendiri je. Tapi cara dia nak rapat dengan kita tu.

AAA: Itulah. Kalau macam dulu dengan minat anak muda tu datang tapi dengan waktu sekarang ni kita yang kena ada kan minat daripada anak muda tu lah. Itu cara-caranya.

IAH: Kita yang kena ada, macam mana nak jadikan dia minat kan. Mula-mula memang payah lah kan. Memang tarik dia nak berbual, minum semeja pun tak boleh. Jadi pandai-pandai kita banyak __ handphone [telefon bimbit] kan, pakai hujung jari je. Kita banyak yakinkan dulu. Kalau dah yakin baru dia ikut. Jadi senang lah kerja kita kan. Kalau kita tak yakin, kita kata, kita marah. Tak awak pun macam tu juga, sama je sebenarnya.

AAA: (Mengangguk kepala)

MAS: So [jadi] kat sini penerimaan anak muda dia lebih pada jiwa. Dia lebih pada jiwa untuk mendalami sesuatu perkara.

IAH: Iya, betul.

MAS: So [jadi] dengan ini, encik mendekati orang, kenal dengan lebih dalam tentang diri anak muda pada masa yang sama memperkenalkan juga budaya kompang tu. Sekiranya mereka berminat kita boleh tarik secara perlahan-perlahan untuk meminati _ kompang.

IAH: Betul tu. Kalau dia tak minat pun tapi kawan dia minat, cari kawan dia yang _ kawan dia minat. _ tarik kawan dia, insyaallah dia akan ikut. Tu cerita dia. Boleh. Kalau dia tak minat takpe kita dah cuba, tak berjaya kan. Kita tengok siapa kawan-kawan dia pula yang berminat. “Oh budak ni minat kompang”. Lepastu nanti dia tarik kawan dia, sama-sama datang. Senang je. Benda ni agak mudah lah. Kalau kita yang nak berat tu yang nampak berat. _ kawan dia datang main kompang, kita bagi kawan dia macam-macam. “Apa kau nak, apa kau nak”. Nanti dia akan bercerita pada kawan-kawan dia. Main kompang dapat baju, dapat duit. Nak beli rokok pun senang.

MAS: (Ketawa kecil)

IAH: Dengar macam tu dia datang. Ini kenyataan bagi saya lah, pengalaman saya. Mintak maaf lah eh. Kau beli rokok, “eh kau main kompang, sekali main kompang dapat sepuluh ringgit [10 ringgit], dapat duit _, kau dah boleh beli rokok, beli minyak motor”. __ lama-lama, betul jugak eh. Dia ikut kawan dia main kompang. Walaupun dalam dia malu, takpe bagi _. Kita bagi dia main kompang, dapat sepuluh ringgit [10 ringgit], boleh beli rokok, dia boleh beli minyak motor. Lepas dia main kompang lantak lah dia nak berjalan ke apa kan. Cuma nasihat dia baik-baik, tu je. Nak tarik dia minat, lama dia minat dia datang sendiri. Tak boleh marah dia, kita bantu dia. Dorang memang lah biasa lah, ikut anak-anak muda nak merokok, nak duit, nak apa kan. _ bantu, kita tarik kawan dia dulu, nanti kawan dia akan cerita lah. Kita bagi dia kompang *free* [percuma] dulu. Takpe. Beli baju kan. Ada kewangan kita bagi. Lepas main je, panggil dia, okay bagi ni duit ni. Jadi dia seronok, dia pun kawan dia kata _ main kompang sekali. Sekarang ni takyah panggil lagi. Kalau dengar orang kahwin, lama tak panggil dia tanya, “takde main kompang lagi”. Yang tu yang kita nak. Ni asyik kita tanya, nak panggil dia, nak susun dia memang pening lah.

MAS: (Ketawa kecil)

IAH: Menjaga kan. Tu biasalah kalau kita ni, lumrahlah campur-campur, dah nama manusia ni kita kene paham, biasalah. _ ada yang sakit hati, tak payah.

AAA: (Mengangguk kepala)

IAH: Anak muda ikut je lah. Jangan ikut sangat perasaan kan. tu je.

AAA: Mungkin dengan apa kita panggil sedikit pelik lah cara sekarang ni, kita nak mengajak, tapi yang penting tujuan dia kita nak tarik dia, kita dapat. Dengan rokok lah, minyak motor. (Ketawa kecil). Yang penting kita dapat tarik dia.

IAH: Iya-iya. Walaupun benda tu nampak macam, “eh tak baiklah kan”, beli rokok kan. Tapi lama-lama, kita cakap dengan dia, “sayang duit ni beli rokok.” betul?

MAS: (Mengangguk kepala)

IAH: “Esok kau dapat duit sepuluh ringgit [10 ringgit] ni, bagi lah mak kau seringggit [1 ringgit] ke dua ringgit [2 ringgit]”. Kita ubah sikap dia. Kau beri mak kau, dapat dua ringgit [2 ringgit] esok, kita lagi banyak dapat orang kerja kahwin. Lagi banyak duit kau mewah. Mana kau nak beli apa-apa, terpulang pada kau.

AAA: Simpan ke.

IAH: Kita kena pandai lah sekarang ni. Kena pandai ambil hati anak muda. Kau lama kan. “Kau beri mak kau duit rokok, duit rokok tu kau bagi mak kau empat ringgit [4 ringgit]. Katalah lima ringgit [5 ringgit], takpelah kau beri mak kau lima ringgit [5 ringgit], aku bayar kau dua ringgit [2 ringgit], mak kau dua ringgit [2 ringgit]. Nanti kau dapat lagi banyak dia punya rasa nikmat dia duit tu. Okay lah, lama-lama dorang boleh ikut. Alhamdulillah lah. Ni baju kau bawa, beri mak kau pakai ke, kau nak pakai, kau pakai. Baju kompang ni bagi *free* [percuma]. Jadi takde lah dia rasa dia beri ayah dia pergi kebun. Jadi ni nampak hasil kau tu bukan ayah kau tu. Jadi sampai macam tu. Ni baju dia biar ayah, “oh aku nampak ayah kau pakai pergi kebun. Tu bukan hasil aku, engkau punya usaha main kompang. Kau bagi ayah kau pergi kebun cari rezeki. Engkau dapat pahala”. Jadi __ cakap baik-baik kan. Lama dia boleh ikut juga kan. Alhamdulillah lah. Budak-budak muda ni kena layan.

AAA: Senang kata tak boleh nak sama kan dahulu dan sekarang. Mungkin kita panggil, kalau orang-orang lama dia akan cakap anak muda masa kini ni susah. Susah nak mengajar, susah nak mendidik. Tapi kita panggil kena mengikut perubahan masa lah. Cara pun tak boleh nak sama kan. Cara sekarang lain, cara dulu lain.

IAH: Betul-betul. Ni kalau whatsapp marah-marah mana lah. Kalau saya pun orang dah marah lagi saya naik angin.

MAS: (Ketawa kecil)

AAA: (Ketawa kecil)

IAH: __ dia marah lah. Tak nak campur orang lah apa lah. Jadi kita pandai-pandai lah sebenarnya. Kita nak macam mana dia berniaga, kadang-kadang saya punya pekerja, saya nasihat dia. Kau ada petang kau tanam pisang. Alhamdulillah dia dengar. Dia dah Berjaya. Saya ada pekerja saya petang dia tanam pisang kan. Jadi tanah-tanah orang terbiar, kau tanam pisang. Alhamdulillah dia dengar cakap saya. Dia dapat duit kerja, dia dapat duit pertanian lagi, duit pisang. Lama-lama dia seronok. Kadang dia malam pun kita telefon dia tak datang pun dia datang. Dia tahu kita bukan nak marah dia, kita nak bantu dia. Saya tak kisah ada pekerja-pekerja saya dah ada ladang tanam pisang tanduk, pisang apa. Jadi, pendapatan dia tiap-tiap minggu dapat dua ratus [200], tiga ratus [300]. Kita tak nak benda tu. Dia pekerja kita hanya beritahu dia. Sekarang kau tanam lah pisang. Hari ahad tu kau ada masa pagi, kau ambil lah upah mesin apa kan. Bukan aku nak duit tu, Kau pakai mesin aku kau ambillah __ rumah orang. Alhamdulillah. Jadi pendapatan dia bertambah, dia dapat beli kereta. Tak kisah merokok tu kerja dia. Biasalah takde masalahkan. Jadi dapat beli kereta. Seronok tahu kita tengok kereta dia sampai tumpang suka je. Tapi cara pendekatan kita dengan masyarakat, dengan anak-anak muda macam mana. Tu je. Bukan tak boleh tarik, boleh. Kita dekat surau kita nak buat bubur lambuk, marah-marah budak-budak kan. Panggil dia. Bagi dia nak berapa mangkuk, bagi dia Esok, __ dia ambil lagi, sikit je. Itulah bagi saya senang, apa-apa pun anak muda ni nak, kalau kita dapat halusi seni, lagi halus, lagi mudah lah kalau dia dah masuk kesenian ni, nak buat kompiang ke, nak main kompiang ke. Memang seronok lah. Cara kita nak menyusun dia.

MAS: Dia bila dah ada jiwa, bila ada jiwa terhadap sesuatu minat tu senang je kita bentuk anak muda.

IAH: Betul. Awak pun paham benda ni. Anak-anak muda mesti paham punya. Kita takkan marah dia. Kita tak marah orang tu, tak marah saya. Ini kan nampak kita kata dia, kita marah dia. Kadang-kadang nampak pun takde senyum. _ kurangnya senyum cukup lah ataupun beri salam ke kan. Beri salam je. Kita ni bangga kita bawa motor, bawa kereta. Nampak anak muda kita marah, paling muka. Ini perkara biasa tahu dalam kampung. Jadi kita nak beri assalamualaikum dah lah. lama dia jawab juga. Bagus pak cik ni. Kadang dia tolong kita pula. “Pak cik-pak cik, rumah pak cik tu ada orang masuk, orang curi. Dia pula bagitau kita. __ kadang-kadang pada kita

AAA: Jadi untuk soalan terakhir kita untuk temu ramah ini saya nak tanya, apakah harapan pak cik kepada seni budaya kompang?

IAH: Sebenarnya saya ni sebagai pembuat. Saya, harapan saya nak jadikan sebuah kilang dekat kawasan saya ni. Dulu saya tahap IKS [Industri Kecil Sederhana]. IKS ni saya nak tinggikan lagi. Saya nak berapa ramai tenaga buruh yang boleh kerja dengan saya. Itulah harapan saya. Daripada kerajaan bantuan apa yang boleh turunkan lah ke bawah bantulah kita. Kita ni bantu untuk orang ramai juga. Kalau saya dapat mesin yang canggih. Boleh keluarkan mesin kompang yang satu hari sampai seratus [100] biji. Pekerja makin ramai saya nak. Bukan saya _, lepas tu EPF pun kerajaan dapat sebab masuk EPF, SOCSO. Kerajaan punya. Akan Kembali kepada kerajaan. Itulah harapan saya, kalau boleh saya nak kurangkan tenaga buruh dalam kampung ataupun __ saya jadikan satu kilang lah dalam kawasan saya. Itu harapan saya.

AAA: Baiklah, Terima Kasih. Jadi dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni budaya kompang bersama Encik Ismail Abdul Hamid. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang senibudaya kompang bagi para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	
0:08:30 – 0:14:00	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none">• Nama tokoh Ismail A.Hamid.• Berumur 48 tahun.• Lahir di Kampung Serkam, Melaka.• Menetap di Segamat, Johor.• Sekolah Rendah di Sekolah Kebangsaan Serkam, Melaka dan Sekolah Dato Maharaja Lela, Segamat.• Bekerja sebagai pengusaha kompang.• Berkahwin pada umur 18 tahun.• Memiliki 3 orang anak, dua lelaki satu perempuan.• Memegang gelaran Ketua UMNO cawangan.• Memegang gelaran Ketua Kampung.• Mempunyai 6 orang pekerja.
0:14:00– 0:16:23	Latar Belakang Kompang	<ul style="list-style-type: none">• Asal pada zaman Nabi.• Kompang menggunakan kulit kambing.• Zaman dahulu dipanggil rebana.• Digunakan oleh rakyat Indonesia sebelum dibawa masuk ke Malaysia.• Terdiri daripada 3 bahan iaitu kayu, kulit kambing dan kain lilitan merah.• Kayu yang digunakan ialah kayu leban yang bersifat keras.• Kain lilitan merah digunakan untuk mencantikkan kompang.• Kulit kambing hasilkan bunyi yang lebih nyaring dan sedap.

0:16:23 – 0:18:28	Perolehan Kulit Kambing	<ul style="list-style-type: none"> • Cari kulit kambing pada pengusaha kambing. • Minta bantuan dari Jabatan Veterina. • Kulit kambing kering berharga lima ringgit. • Kulit kambing kering berharga sepuluh ringgit.
0:18:28 – 0:20:14	Fakta Kulit Kambing	<ul style="list-style-type: none"> • Kompang memang menggunakan kulit kambing dan bukannya kulit lembu. • Ketebalan dan bunyi dari kulit kambing berbeza. • Kulit kambing daripada ternakan rumput hasilkan kualiti kompang yang lebih baik.
0:20:14 – 0:30:42	Cara Permainan Kompang	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum 2 orang sudah boleh bermain kompang. • Terdiri daripada 4 pukulan, meningkah, menalu, menginting dan menganak. • Pukulan menalu dan meningkah kumpulan kembang kuncup dibawah. • Pukulan menginting bermaksud lebih pukulan. • Pukulan menganak bermaksud pukulan banyak dalam satu-satu masa. • Kumpulan kompang terdiri daripada Kelandar, Izhar, Sinar Dua Belas dan Zapin. • Tambahan alatan seperti tamborin, bonggo, darbuka dan jidur. • Jidur panggilan bagi orang belah selatan. • Beduk panggilan bagi orang belah utara. • Alatan tambahan digayakan dengan mengikut kreativiti pengajar. • Kompang tidak boleh digayakan bersama peralatan moden seperti gitar dan dram.

		<ul style="list-style-type: none"> • Lagu kompang terdiri daripada alunan selawat, lagu-lagu Arab dan Yaman.
0:30:42 – 0:32:45	Cara Menarik Minat Orang Muda Terhadap Kompang	<ul style="list-style-type: none"> • Bergantung kepada cara pemimpin setempat. • Pendapatan kompang diguna untuk melancong. • Beri duit poket. • Beri duit raya semasa hari perayaan.
0:34:27 – 0:50:45	Masa Latihan, Persembahan dan Pertandingan Seni Kompang	<ul style="list-style-type: none"> • 2 hingga 3 bulan untuk mahir. • Harus mahir pukulan dan nyanyian • Dari kerajaan negeri juga ada menganjurkan latihan kompang. • Setiap pertandingan kompang ada tema tersendiri. • Pertandingan juga terdiri daripada jenis formasi. • Pertandingan juga bergantung kepada syarat dan tema pertandingan. • 16 hingga 20 orang untuk satu pasukan dalam pertandingan • Terdapat kategori seperti sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan terbuka. • Tiada halangan daripada segi jantina.
1:12:32 – 1:24:22	Penglibatan dan Anugerah Tokoh Dalam Seni Kompang	<ul style="list-style-type: none"> • Berpengalaman dalam 31 tahun. • Pada umur 20 tahun mula terlibat dengan pembuatan kompang. • 2006 mendapat Anugerah Naib Johan di MAHA, menggunakan barai terpakai sebagai pendapatan. • 2011 mendapat Anugerah Belia Negara peringkat negeri Johor. • Mendapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri Johor untuk meneruskan seni kompang di Johor.

1:29:00 – 1:35:15	Penubuhan Pertama Kumpulan Kompang	<ul style="list-style-type: none"> • Belia Seri Bumbun ditubuhkan pada tahun 2003. • Menjadi biro kebudayaan. • Mendapat pendapatan setelah banyak hadir majlis perkahwinan. • Bawa pasukan bermain di Pahang, Melaka, Johor, Selangor. • Pasukan Belia Seri Bumbun cukup dikenali ketika tahun 2003 hingga 2010. • Belia Seri Bumbun menjadi johan daerah Segamat.
1:35:15 – 1:51:10	Cabaran Yang Dilalui Oleh Tokoh.	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah ditipu dengan mendapat cek palsu. • Orang kampung marah disebabkan bau kulit kambing. • Bengkel kurang selamat disebabkan ketiadaan gas pemadam api. • Ambil upah panjat pokok buah duku untuk beli mesin khas membuat kompang. • Berhadapan dengan kotor dan habuk. • Pekerja suka berhenti kerja. • Kekurangan modal. • Tokoh tiada pesaingan dalam pembuatan kompang. • Cabaran menjaga kebajikan pekerja. • Permintaan kompang berkurang semasa PKP.
1:51:10 – 2:04:25	Pandangan Tokoh Tentang Penerimaan Kompang Terhadap Anak Muda Masa Kini	<ul style="list-style-type: none"> • Sukar melayan karenah anak muda kini. • Harus lebih berlemah-lembut. • Tanamkan jiwa kesenian dengan mendekati secara perlahan-lahan. • Pengaruh rakan sebaya sangat mempengaruhi minat anak muda.

2:04:25 – 2:05:28	Harapan Tokoh Terhadap Anak Seni Kompang	<ul style="list-style-type: none">• Ingin membina sebuah kilang kompang.• Ingin memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada masyarakat.
-------------------	--	---

RALAT

7.0 RALAT

Semasa temubual Bersama Tokoh Seni Kompang iaitu En Ismail A. Hamid yang dilakukan di platform Google Meet, terdapat sedikit gangguan yang berlaku iaitu:

- Gangguan internet menyebabkan tokoh terkeluar daripada google meet dan juga suara yang terputus-putus.
- Bunyi latar belakang yang kuat yang menyebabkan kesukaran untuk mendengar pada sesuatu masa.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

Alat muzik	Peralatan yang mengeluarkan bunyi-bunyian: irama, lagu, nada, senandung, tanji,
Budaya	Rakyat cerita, adat, pakaian, tingkah laku dsb yg diwarisi oleh sesuatu masyarakat atau bangsa
Kampung	Kawasan kediaman (terdiri drpd sekumpulan rumah dll) di luar bandar, desa, dusun
Kompang	Rebana yg dipukul beramai-ramai
Melarik	Melicinkan dan membulatkan kayu, logam dsb dgn alat tertentu
Meningkah	Memukul gendang dll menyelang (mengiringi) lagu atau bunyi lain
Pukulan	hasil perbuatan memukul; paluan
Seni	Kecekapan atau kepandaian membuat sesuatu yg indah-indah. Hasil karya yg dicipta dgn kebolehan atau dgn kepandaian yg luar biasa; hasil drpd sesuatu ciptaan.
Tradisi	Sesuatu kebiasaan (adat, kepercayaan, dll) yg kekal turun-temurun, sesuatu yg sudah menjadi amalan yg sudah sebatu dgn sesuatu masyarakat
Tradisional	Bersifat atau bercorak tradisi: masyarakat - masyarakat yg mengamalkan cara hidup yg turun-temurun.
Warisan	Harta peninggalan; harta pusaka. Sesuatu yg diwarisi.

INDEKS

9.0 INDEKS

A

AJK 69,71,72

Alat muzik 14,30,32,55,104

Anak muda 5,32,69,71,76,85,86,87,88,89,90,91,92,93,99

H

Halus 32,62,86,92

J

Jiwa 32,86,88,92,99

K

Kambing 22,23,24,25,26,31,39,40,52,53,54,55,56,59,60,65,75,80,84,96,97,99

Kampung

5,17,20,26,31,42,46,48,50,52,54,55,64,67,68,69,70,71,72,74,75,76,77,78,79,82,86,93,96,99,
104

Kayu

22,59,60,64,65,66,80,84,96,104

M

Melayu 8,14,30

P

Pembuatan 5,23,62,66,98,99

Pengalaman 7,17,26,27,35,62,63,64,67,70,73,74,75,76,82,86,89,98

Pengusaha

5,23,24,48,49,52,53,56,64,68,71,75,76,81,96,97

S

Seni 5,13,14,15,17,27,32,33,50,53,62,67,73,75,82,85,86,92,93,99,98,99,100,102,104

Syarikat 20,21,54,55,77,78,79,80,83,84

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

- Rozeman Abu Hassan. 2004. *Mengenal dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Pub.
- Starr, L. 1984. Oral history. In: D. K. B. Dunaway and K. Willa (Ed.). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. London: Altamira Press.
- Morrison, J. H. 1998. A global perspective of oral history in Southeast Asia. In: P. Lim Pui Huen (Ed). *Oral History in Southeast Asia: Theory and Method*. Singapore: Stamford Press.
- Nevins, A. 1984. Oral history: how and how it was born. In: D. K. B. Dunaway and K. Willa (Ed.). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. London: Altamira Press.
- Ahmad Abd. Kadir. 1987. Sejarah lisan satu kaedah penyelidikan sejarah. *Bulletin*, 16:17-19.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1996. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadzan Haron. 1979. Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9: 44-58.
- Minawati, R., & Nursyirwan, N. (2017). *Kompang Atraksi Pada Masyarakat Bengkalis Riau. Institut Seni Indonesia Padangpanjang*.
- Minawati, R., & Nursyirwan, N. (2013). *Membangun Kebudayaan Dan Keperibadian Community Melayu Di Meskom Bengkalis Melalui Seni Kompang. Kementerian Pendidikan Dan Kebudayaan Institut Seni Indonesia Padangpanjang*.
- Syahroni. (2010). *Nilai Estetika Dan Moral Dalam Kesenian Tradisional Kompang. Ushuludin Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Pekanbaru*.
- Siti Mazni S. (2007). *Penggunaan kompang dalam majlis adat istiadat masyarakat Melayu negeri Perak/Siti Mazni Binti Shafie (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak)*.
- Rakasiwi, G., Syeilendra, S., & Putra, I. E. D. (2018). Pelestarian Kesenian Kompang Di Sanggar Seni Tapak Budaya Tanjung Uban Kabupaten Bintan Provinsi Kepulauan Riau. *Jurnal Sendratasik*, 6(2), 62-73.
- Crawford, R. (2018). *Engendering socially inclusive practices: Yet another reason why music and arts education are a critical component of the curriculum*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Md Jais B.I.(2019). Keberkesanan pendekatan euritmik dalcroze untuk meningkatkan koordinasi menyanyi dan bermain kompang dalam kalangan pelajar sekolah di Putrajaya, Malaysia. (Universiti Putra Malaysia)
- Roy, D., Baker, W., & Hamilton, A. (2019). *Teaching the arts*. Cambridge University Press. UK.
- Md Jais B.I. & Loo F.C. (2018). Method of Using Eurhythmics Dalcroze Approach to Increase the Coordination of Singing and Playing Kompang Percussion Among Children. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 119-128.
- Yeni Ruseli. (2013). Fenomena Muzik Kompang Kecamatan Bengkalis di Era globalisasi. *Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*.
- Yosi R. & Nursyirwan (2014). Pertunjukan Kompang Bengkalis: Dari Arak-Arakan Ke Seni Pertunjukan. *Jurnal Ilmu Pengetahuandan Karya Seni*.
- A.E Ismail, K.A. Arif, et al. (2015). Analysis of Sound Produced by a Traditional Malay Musical Instrument "Kompang". *Applied Mechanics and Materials*. doi:10.4028/www.scientific.net/AMM.773-774.53
- Galih R., Syelendra, Irdhan, E.D (2018). Pelestarian Kesenian Kompang Di Sanggar Seni Tapak Budaya Tanjung Uban Kabupaten Bintan Provinsi Kepulauan Riau. *E-Jurnal Sendratasik*
- Ghani, A. & Jasri, O. A. (1991). Budaya Tradisi Melayu Yang Semakin Dilupakan *Jurnal Warisan Indera Kayangan*

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 BIOGRAFI TOKOH

	<h2>Ismail A. Hamid</h2>
PROFIL	MAKLUMAT PERIBADI
<p>Encik Ismail A. Hamid mula menceburi bidang pembuatan kompang pada tahun 1980. , Encik Ismail A. Hamid telah berjaya membuka bengkel untuk pembuatan kompang dan telah berjaya menghasilkan peluang pekerjaan kepada anak muda di kampung beliau.</p>	<p>Umur : 48 Tahun Tarikh Lahir : 22.05.1973 Tempat Lahir : Melaka Alamat : 40 Kg Tonjos .Simpang Jabi 85000 Segamat, Johor No Telefon : 0127628480</p>
	PENDIDIKAN Sekolah Rendah Sekolah Rendah Kebangsaan Serkam, Melaka Sekolah Menengah Sekolah Dato Maharaja Lela, Segamat.
	PEKERJAAN Bidang Warisan Seni Kompang Pencapaian <ul style="list-style-type: none">• memenangi anugerah belia negeri johor 2011• menangi tempat kedua peringkat kebangsaan penggunaan barang terpakai dari ternakan seperti kulit kambing

11.2 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Ismail A. Hamid K/P: 730522-04-5615 pada
21 Jun 2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuta kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik/penyelidik.

Ismail

[Ismail A. Hamid]
Tarikh: 21 Jun 2021

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)
b.p. Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.3 SENARAI SOALAN

SOALAN ORIENTASI

1. Nama penuh Tokoh
2. Tempat lahir
3. Tarikh dilahirkan/ Umur
4. Tempat tinggal tetap
5. Nama ibubapa tokoh
6. Berapakah bilangan adik beradik
7. Anak keberapa dalam adik beradik
8. Status perkahwinan tokoh
9. Bilangan anak tokoh
10. Cucu (kalau ada)
11. Tahap pendidikan tokoh

SOALAN UMUM

1. Bolehkah encik Ismail terangkan serba sedikit berkenaan Kompang ini?
2. Kompang ini diperbuat daripada bahan apa?
3. Kompang ini selalunya dimainkan secara berkumpulan. Jadi berapa ramai orang yang terdapat dalam satu kumpulan kompang ini?
4. Berapakah jenis pukulan kompang yang ada dalam seni kompang ini?
5. Berapa pula jenis paluan yang ada dalam seni kompang ini?
6. Selalunya kompang ini banyak dimainkan dimana?
7. Agak-agaknya berapa lamakah masa yang diperlukan untuk seorang pelajar baharu untuk mahir bermain kompang?

SOALAN SPESIFIK

1. Sudah berapa lamakah en Ismail melibatkan diri dalam seni Kompang ini?
2. Bagaimana en Ismail mula-mula boleh terlibat dalam seni Kompang ini?
3. Siapakah tokoh yang menjadi inspirasi En Ismail dalam seni Kompang ini?
4. Adakah en Ismail mempunyai kumpulan Kompang sendiri?
5. Apakah pencapaian yang en Ismail pernah kecapai sepanjang melibatkan diri dalam seni Kompang ini?
6. Apakah pencapaian tertinggi yang dibanggakan en Ismail sepanjang en Ismail terlibat dalam seni Kompang ini?
7. Sepanjang en Ismail melibatkan diri dalam seni Kompang ini, apakah cabaran yang en Ismail pernah hadapi?
8. Apa pendapat En Ismail berkenaan dengan penerimaan seni Kompang ini kepada anak muda masa kini?
9. Apakah harapan en Ismail kepada seni budaya kompang ini?

11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
4 April 2021 Ahad	0800-1000 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah diberi penerangan oleh Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin mengenai sejarah lisan. Beliau memberikan tema berkenaan kajian sejarah lisan ini. • Kami diberikan sebanyak 3 pilihan tema iaitu Seni Kebudayaan, Sejarah Tempatan serta Warisan Seni. • Tema yang dipilih adalah berkaitan Warisan Seni di Malaysia.
6 April 2021 Selasa	0800-0900 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima arahan untuk menentukan tokoh dan tajuk sejarah lisan. • Bersetuju untuk memilih Seni Silat • Membuat sedikit pengenalan ringkas mengenai tajuk serta tokoh yang dpilih.
11 April 2021 Ahad	0800-1000 BK3	<ul style="list-style-type: none"> • Menukar pemilihan tajuk dan tokoh kerana tokoh yang dipilih tidak menepati kelayakan. • Menerima arahan untuk melakukan kertas kerja dan Kajian Literatur mengenai tajuk yang dipilih masing masing
13 April 2021 Selasa	0800-0900 BK3	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih tajuk Kompang dan mencari tokoh dalam seni kompang.
18 April 2021 Ahad	1000-1200 Panggilan Telefon	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi Encik Ismail dan bertanyakan kesudian untuk dijadikan tokoh kajian sejarah lisan
22 April 2021 Khamis	2000-0000 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> • Merangka kertas kerja.

23 April 2021 Jumaat	2100-0000 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> • Merangka soalan yang hendak ditanya semasa sesi temubual.
2 Mei 2021 Ahad	0800-100 DK 1	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin menerangkan berkenaan penghasilan transkrip.
4 Mei 2021 Selasa	0800-1000 DK 1	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin untuk membuat semakan kertas kerja • Membuat pembetulan kepada kertas kerja yang telah disemak
5 Mei 2021 Rabu	1200 U-FUTURE	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar kertas kerja bagi kajian sejarah lisan.
29 May 2021 Sabtu	1030-1300 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi temubual bersama tokoh Warisan Seni Kompang dijalankan.
1 Jun 2021 Selasa	10:00 pagi Rumah	<ul style="list-style-type: none"> • Penghasilan transkrip Sejarah Lisan dimulakan.

11.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN YANG BERKAITAN



Rajah 1: Gambar semasa temubual bersama tokoh Seni Kompang di Platform Google Meet